




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PULAU PINANG

SIRI 3





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PULAU PINANG

SIRI 3

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN Projek Mendalam Dan Membalik Sungai	3
JABATAN KERJA RAYA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI Program Penyenggaraan Jalan Negeri	24
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG PDC Properties Sdn. Bhd.	55
PENUTUP	73



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agenzi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk di bentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 Siri 3 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperimana hasrat Kerajaan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak 3 aktiviti dan satu pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Pulau Pinang tahun 2012 Siri 2. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012 Siri 3 ini pula melaporkan sebanyak 2 aktiviti dan satu pengurusan syarikat yang telah diaudit akan dilaporkan dalam Laporan ini. Dua aktiviti tersebut adalah Projek Mendalam Dan Membaiki Sungai, Program Penyenggaraan Jalan Negeri dan pengurusan syarikat subsidiari Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang iaitu PDC Properties Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 11 syor untuk diambil tindakan Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
26 September 2013



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

- Projek Mendalam Dan Membaike Sungai

1.1. Sungai merupakan satu sumber semula jadi yang penting kepada manusia. Selain itu, sungai juga boleh membawa bencana dan malapetaka seperti banjir yang boleh mengakibatkan kerosakan besar harta benda dan kehilangan nyawa sekiranya tidak dijaga dengan sempurna. Di Pulau Pinang, terdapat 164 batang sungai dengan panjang 619 kilometer. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS) bertanggungjawab memelihara sungai. Objektif Bahagian Sungai JPS adalah untuk mengkaji, merancang dan melaksanakan program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai-sungai dengan melindungi nyawa dan harta benda penduduk serta menyediakan kemudahan rekreasi di sepanjang koridor sungai. Antara kriteria pemilihan sungai dalam melaksanakan Projek Mendalam Dan Membaike Sungai (Projek) adalah sungai yang berpotensi menyebabkan banjir, sungai yang sering tertimbas dan menjadi cetek serta berdasarkan aduan yang diterima. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sejumlah RM7.37 juta peruntukan telah diterima daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan setakat bulan Disember 2012 sejumlah RM7.36 juta (99.8%) telah dibelanjakan. Sehingga tarikh pengauditan, JPS telah melaksanakan sebanyak 75 Projek dari tahun 2010 hingga 2012 yang terdiri daripada 25 perolehan kontrak kerja secara undi dan 50 perolehan secara sebut harga.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga Oktober 2012 mendapati pada keseluruhannya prestasi Projek Mendalam Dan Membaike Sungai adalah di tahap kurang memuaskan terutamanya dari segi pematuhan kepada spesifikasi kerja. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Kerja-kerja tidak mengikut spesifikasi sepenuhnya
- *Bill of Quantities (BQ)* kerja tidak disediakan dengan sempurna
- Kaedah penggantian tanah dasar sungai dengan batu *crusher run* kurang berkesan
- Kaedah Perolehan Projek Mendalam Dan Menaik Taraf di Sungai Juru tidak mengikut perancangan asal.

1.3. Bagi memastikan Projek Mendalam Dan Membaike Sungai dapat dijalankan dengan berkesan, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Pengairan Dan Saliran mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Meningkatkan pengawasan terhadap pelaksanaan projek bagi memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi.

1.3.2. Memastikan *BQ* disediakan secara terperinci dengan mengambil kira perkara-perkara yang penting supaya pelaksanaan projek dibuat dengan lebih sempurna.

1.3.3. Kajian yang terperinci perlu dijalankan sebelum sesuatu kaedah yang dilaksanakan tidak merugikan Jabatan dan sentiasa memberi manfaat kepada penduduk setempat di samping peruntukan yang mencukupi bagi membolehkan Jabatan melaksanakan Penyelidikan dan Pembangunan berkaitan sungai.

2. JABATAN KERJA RAYA

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

- **Program Penyenggaraan Jalan Negeri**

2.1. Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan Negeri. Ia disalurkan melalui Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan pada 1 Januari 1994 di bawah Seksyen 10(1)(b), Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972) dan dikemas kini pada 17 Mac 2010 dan dikawal selia oleh Pengarah Kerja Raya sebagai Pegawai Pengawal. Jumlah pemberian adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS). Berdasarkan rekod MARRIS, panjang rangkaian jalan Negeri yang disenggarakan di Pulau Pinang sehingga akhir tahun 2012 adalah 2,750.49 km yang meliputi 2,008.52 km disenggara oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) manakala 741.97 km disenggara oleh Pihak Berkua Tempatan (PBT).

2.2. Kerja penyelenggaraan Jalan Negeri dibahagikan kepada 3 kategori utama iaitu penyelenggaraan berkala, biasa dan kecemasan. Bagi tempoh 2010 hingga Februari 2013 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima sejumlah RM199.42 juta geran pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan penyenggaraan jalan Negeri. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM175.88 juta telah diagihkan kepada agensi pelaksana iaitu JKR dan PBT yang bertanggungjawab menyenggara jalan di Pulau Pinang.

2.3. Secara keseluruhannya pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2013 mendapati program penyenggaraan jalan Negeri yang dilaksanakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan (JKRSPS), Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya (JKRDBD) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pelaksanaan kerja penyenggaraan tidak dibuat dengan berkesan.
- Kerja penyenggaraan jalan tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- Rekod MARRIS tidak dikemas kini.
- Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Jalan Negeri Pulau Pinang (Kumpulan Wang Amanah Jalan) tidak memuaskan.

- Daftar aduan awam tidak dikemas kini.

2.4. Bagi memastikan pengurusan program penyenggaraan jalan Negeri di Pulau Pinang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan pengguna jalan raya mendapat perkhidmatan serta infrastruktur jalan yang terbaik, selesa dan selamat adalah disyorkan tindakan seperti berikut dilaksanakan:

2.4.1. Jabatan Kerja Raya selaku Pegawai Pengawal Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Pulau Pinang perlu meningkatkan pemantauan terhadap penggunaan wang amanah oleh agensi pelaksana supaya ia digunakan untuk tujuan yang dibenarkan serta mematuhi Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.

2.4.2. Menyediakan Daftar Penyenggaraan Jalan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan kerja penyenggaraan dapat dirancang dan dijalankan secara menyeluruh.

2.4.3. Pemilihan jalan yang akan disenggara perlu mengambil kira aspek jangka hayat jalan, *pavement* dan struktur jalan.

2.4.4. Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan kerja tersebut dilaksanakan dengan memuaskan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

2.4.5. Mengemas kini rekod dan data MARRIS bagi memastikan Kerajaan Negeri memperoleh geran penyenggaraan jalan negeri mengikut jumlah yang sepatutnya.

2.4.6. Menyelenggarakan Daftar Aduan Awam dengan lengkap dan kemas kini bagi membolehkan maklum balas dikemukakan dan aduan awam dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

3. PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

- **PDC Properties Sdn. Bhd.**

3.1. PDC Properties Sdn. Bhd. (PDCP) sebagai sebuah syarikat sendirian berhad dan pemaju perumahan adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 dan Akta Pemaju Perumahan 1966 serta Memorandum Dan Artikel Syarikat. Sebagai sebuah syarikat Agensi Kerajaan Negeri, PDCP juga tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dan Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan PDCP adalah memuaskan kerana memperoleh keuntungan sebelum cukai dan peningkatan dalam keuntungan terkumpul. Sungguhpun terdapat projek perumahan PDCP yang mencapai penjualan 100%, namun

masih terdapat beberapa kelemahan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- PDCP terpaksa membayar RM320,544.41 sebagai bayaran pampasan kepada 104 pembeli kerana lewat memperoleh Sijil Layak Menduduki menyebabkan kegagalan PDCP menyerahkan *vacant possession* kepada pembeli dalam tempoh ditetapkan.
- PDCP berhadapan tuntutan saman oleh pembeli tanah plot D'Residence III dengan kos guaman ditanggung oleh PDCP berjumlah RM21,478. Kes masih dalam perbicaraan.
- PDCP tidak membuat bayaran dividen bagi tahun 2011 walaupun Syarikat memperoleh keuntungan selepas cukai.

3.3. Bagi meningkatkan prestasi pengurusan Syarikat, pihak Audit mengesyorkan pihak pengurusan PDCP mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Memastikan *vacant possession* dapat diserahkan kepada pembeli mengikut tempoh bagi mengelakkan kerugian kepada Syarikat melalui tuntutan saman.

3.3.2. Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat Syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Agensi Negeri.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

1. PROJEK MENDALAM DAN MEMBAIKI SUNGAI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Sungai merupakan satu sumber semula jadi yang penting kepada manusia. Selain itu, sungai juga boleh membawa bencana dan malapetaka seperti banjir yang boleh mengakibatkan kemasuhan besar harta benda dan kehilangan nyawa sekiranya tidak dijaga dengan sempurna. Di Pulau Pinang, terdapat 164 batang sungai dengan panjang 619 kilometer.

1.1.2. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS) bertanggungjawab memelihara sungai. Objektif Bahagian Sungai JPS adalah untuk mengkaji, merancang dan melaksanakan program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai-sungai dengan melindungi nyawa dan harta benda penduduk serta menyediakan kemudahan rekreasi di sepanjang koridor sungai. Antara kriteria pemilihan sungai dalam melaksanakan Projek Mendalam Dan Membaike Sungai (Projek) adalah sungai yang berpotensi menyebabkan banjir, sungai yang sering tertimbas dan menjadi cetek serta berdasarkan aduan yang diterima.

1.1.3. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sejumlah RM7.37 juta peruntukan telah diterima daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan setakat bulan Disember 2012 sejumlah RM7.36 juta (99.8%) telah dibelanjakan. Sehingga tarikh pengauditan, JPS telah melaksanakan sebanyak 75 Projek dari tahun 2010 hingga 2012 yang terdiri daripada 25 perolehan kontrak kerja secara undi dan 50 secara sebut harga.

1.1.4. Dalam mengurus dan melaksanakan Projek, JPS menggunakan garis panduan, manual operasi dan prosedur kerja di samping pematuhan surat pekeliling semasa yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan dan pelaksanaan Projek Mendalam Dan Membaike Sungai yang dirancang telah dilaksanakan dengan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi Projek yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 dan tertumpu kepada aspek-aspek perancangan, reka bentuk, pelaksanaan dan keberkesanan Projek. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail perolehan kontrak kerja dan dokumen berkaitan di Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri dan 3 daerah yang dipilih iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Barat Daya (BD), Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Seberang Perai Tengah (SPT). Selain itu, perbincangan turut diadakan dengan pegawai JPS dan lawatan ke 20 lokasi Projek bagi meninjau tahap pelaksanaan dan keberkesanan Projek.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga Oktober 2012 mendapati pada keseluruhannya prestasi Projek Mendalam Dan Membaiki Sungai adalah di tahap kurang memuaskan terutamanya dari segi pematuhan kepada spesifikasi kerja. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Kerja-kerja dibuat tidak mengikut spesifikasi sepenuhnya
- *Bill of Quantities (BQ)* kerja tidak disediakan dengan sempurna
- Kaedah penggantian tanah dasar sungai dengan batu *crusher run* kurang berkesan
- Kaedah perolehan Projek Mendalam Dan Menaik Taraf di Sungai Juru tidak mengikut perancangan asal

1.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

1.4.1.1. Tujuan Projek Mendalam Dan Membaiki Sungai dilaksanakan adalah untuk mengurangkan risiko banjir dan tebing sungai runtuh yang boleh mengancam keselamatan dan kerosakan harta benda orang awam. Antara komponen pelaksanaan Projek merangkumi kerja-kerja seperti membina struktur pengukuhan tebing, mengorek dan melebar sungai. Bagi pengukuhan tebing sungai, kaedah yang dilaksanakan antaranya pemasangan struktur gabion, longkang konkrit jenis U (*u-drain*), *rubble pitching* dan *coir log*. Semua projek yang dilaksanakan hendaklah mengikut peraturan, spesifikasi kerja, tempoh masa dan boleh mencapai objektif yang ditetapkan. Ini bertujuan supaya pelaksanaan kerja dapat berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat.

a. Kerja-kerja Dibuat Tidak Mengikut Spesifikasi

i. Tanah Tidak Dipadatkan

- Kerja-kerja Menaik Taraf Dan Mengukuh Tebing Sungai Baong di Daerah Seberang Perai Selatan telah dilaksanakan menerusi sebut harga bernilai RM159,990 dan telah disiapkan pada 16 Mei 2012. Menurut pegawai JPS, projek ini dilaksanakan bertujuan untuk membaiki tebing yang runtuh selain terdapat aduan daripada orang awam mengenai masalah yang sama di sungai tersebut. Butiran kerjanya termasuklah pembinaan *u-drain* dan kerja-kerja pemandatan tanah merah pada kedua-dua belah parit konkrit. Tujuan pemandatan dilakukan bagi mengelakkan berlakunya pemendapan tanah di tebing sungai.
- Semakan Audit mendapati objektif projek untuk mengatasi masalah tebing sungai yang runtuh telah dapat dicapai di mana tiada aduan berhubung tebing runtuh diterima. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak projek tersebut mendapati tanah merah yang dibekalkan tidak dipadatkan dan ditambah di tebing *u-drain* seperti **Gambar 1.1**. Berikut dengan teguran Audit, JPS telah mengarahkan kontraktor membaiki dan menyempurnakan kerja tersebut. Keadaan selepas tindakan diambil adalah seperti di **Gambar 1.2**. Tanah yang tidak dipadatkan dengan mampat boleh menyebabkan berlakunya mendapan tanah dan menjelaskan ketahanan struktur *u-drain* seperti di **Gambar 1.3**. Bagaimanapun, pemendapan ini telah diperbaiki dan dipadatkan semula seperti di **Gambar 1.4**.

Gambar 1.1
Tanah Yang Tidak Dipadatkan
Dan Ditambah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 5 Jun 2012

Gambar 1.2
Tanah Telah Dipadatkan
Dan Ditambah



Sumber: JPS Daerah Seberang Perai Selatan
Lokasi: Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan

Gambar 1.3
Pemendapan Tanah Di Kawasan Yang Tidak Dipadatkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 5 Jun 2012


Gambar 1.4
Pemendapan Tanah Telah Dibaiki Dan Dipadatkan Semula



Sumber: JPS Daerah Seberang Perai Selatan
Lokasi: Sungai Baong, SPS

ii. Pembinaan *Capping Beam* Kurang Sempurna

- Mengikut spesifikasi, pembinaan *capping beam* setinggi 100 hingga 300 milimeter (mm) adalah sebagai asas untuk mengukuhkan sambungan struktur *u-drain* yang dipasang agar tidak berganjak antara satu sama lain.
- Lawatan Audit ke lokasi projek Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan mendapati *capping beam* yang dibina tidak mengikut saiz ketebalan yang ditetapkan iaitu kurang daripada 100 mm seperti di **Gambar 1.5**. Selain itu terdapat juga kesan-kesan seperti penganjakan struktur *u-drain* kelihatan di tapak seperti di **Gambar 1.6**. *Capping beam* perlu dibina dengan sempurna bagi menjamin kekuahan struktur. Ketidakpatuhan terhadap spesifikasi kerja akan memberi kesan kepada struktur *u-drain*.



Gambar 1.5
Saiz Ketebalan *Capping Beam* Kurang 100 mm

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 5 Jun 2012

Gambar 1.6
Penganjakan Longkang Konkrit



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan

Tarikh: 5 Jun 2012

- Selain itu, semakan lanjut mendapati *capping beam* yang dibina telah menggunakan serpihan bata yang digaulkan dengan simen dan pembungkus simen seperti di **Gambar 1.7**. Pihak kontraktor juga tidak membina *capping beam* di bawah jambatan sedia ada selebar 3.4 m seperti di **Gambar 1.8**.

Gambar 1.7
Capping Beam Yang Bercampur Dengan Serpihan Bata Dan Sisa Plastik Pembungkus Simen



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan

Tarikh: 5 Jun 2012

Gambar 1.8
Capping Beam Tidak Dibina Di Bawah Jambatan Selebar 3.4 m



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan

Tarikh: 5 Jun 2012

- Sungguhpun begitu selepas teguran Audit, kerja-kerja pembetulan telah dilaksanakan seperti di **Gambar 1.9** hingga **Gambar 1.11**.

Gambar 1.9
Pembetulan Ketebalan Capping Beam
Bersaiz 225 mm



Sumber: JPS Daerah Seberang Perai Selatan
Lokasi: Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan

Gambar 1.10
Sisa Plastik Pembungkus Simen Telah Dikeluarkan Daripada Capping Beam



Sumber: JPS Daerah Seberang Perai Selatan
Lokasi: Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan



Gambar 1.11
Capping Beam Telah Dibina Di Bawah Jambatan Selebar 3.4 m


Sumber: JPS Daerah Seberang Perai Selatan
Lokasi: Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan

- Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, bagi pembinaan *capping beam* saiznya ditentukan oleh paras akhir longkang tersebut dan juga ketinggian *u-drain*. Oleh itu, penetapan *capping beam* yang dibina adalah bertujuan untuk mendapatkan aras di bahagian atas sahaja dan untuk kelihatan seragam dan kemas dan ianya tidak melibatkan pengukuhan *u-drain*. Perbezaan ini menyebabkan terdapat lokasi di mana *capping beam* yang dibina adalah kurang daripada 100 mm. Penganganan longkang konkrit berlaku disebabkan oleh masalah kesukaran melaksanakan kerja-kerja pemasangan unit longkang di bawah lintasan sedia ada. Bagi *capping beam* yang dibina menggunakan bata, tindakan pembetulan telah diambil oleh kontraktor dengan memecahkan semua *capping beam* dan dibina semula dengan *capping beam* baru. Pihak kontraktor menggunakan sisa plastik pembungkus simen untuk menutup lubang antara papan acuan tetapi plastik pembungkus simen ini tidak dibuang selepas kerja selesai. Bagaimanapun, pihak kontraktor telah membaiki semula *capping beam* yang terlibat.

iii. Tanah Tidak Ditambah

- Kerja-kerja Pengukuhan Tebing Sungai Machang Bubok, Daerah Seberang Perai Tengah telah dilaksanakan menerusi sebut harga bernilai RM119,744. Projek telah diberi kelulusan lanjutan masa dan telah disiapkan pada 29 November 2011. Menurut pegawai JPS, projek ini dilaksanakan bertujuan mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut. Butiran kerjanya termasuklah pemasangan *gabion* dan kerja-kerja tanah iaitu membekal serta menambah tanah merah pada bahagian atas, cerun dan ruang kosong *gabion* mengikut anggaran ukuran kiraan [1/2 (3+5) m x 1 m] x 150 m selain penggunaan lapisan *geotextile* sebagai penapis di belakang struktur *gabion*. Penambahan tanah merah bertujuan untuk menyokong struktur *gabion* daripada runtuh.
- Semakan Audit mendapati objektif projek untuk mengatasi masalah banjir kurang dicapai kerana kejadian banjir masih berlaku berdasarkan Laporan Banjir Tahun 2012. Semakan lanjut terhadap pembinaan struktur *gabion* mendapati tanah merah tidak ditambah mengikut pelan pembinaan yang diguna pakai oleh JPS Daerah Seberang Perai Tengah di mana tanah merah sepatutnya ditambah di bahagian atas dan cerun *gabion* untuk melindungi *geotextile* daripada rosak dan menyokong struktur *gabion* daripada runtuh seperti di **Rajah 1.1** dan **Gambar 1.12**.

Rajah 1.1
Pelan Struktur *Gabion* Yang Diguna Pakai
Oleh Daerah SPT



Sumber: JPS Daerah Seberang Perai Tengah

Gambar 1.12
Tanah Merah Tidak Ditambah Mengikut
Pelan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Machang Bubok, Daerah Seberang Perai Tengah
Tarikh: 5 Jun 2012

- Berdasarkan gambar di atas, batu telah diletakkan di atas lapisan *geotextile* bagi mengelakkan *geotextile* tersebut jatuh yang sepatutnya dilindungi oleh tanah merah di atas dan belakang struktur *gabion*. Tanah merah yang melibatkan kos RM7,500 tidak ditambah mengikut spesifikasi disebabkan kurangnya penyeliaan oleh pegawai JPS semasa kerja-kerja dilaksanakan oleh kontraktor dan projek siap disahkan tanpa meneliti butiran dalam *BQ*.

- Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, kerja-kerja membekal dan menambak tanah merah telah dijalankan oleh pihak kontraktor seperti di BQ. Satu kejadian banjir kilat dan limpahan air sungai telah berlaku pada 9 November 2011 menyebabkan tanah merah yang ditambak telah dihanyutkan oleh arus yang deras. Bagaimanapun struktur gabion masih kukuh dan hanya sedikit kerosakan pada lapisan geotextile. Tindakan susulan telah diambil oleh JPS dengan mengarahkan pihak kontraktor untuk menambak semula tanah merah yang telah dihanyutkan dan menggantikan geotextile yang rosak dengan kos pihak kontraktor sendiri.
- Tanah merah yang tidak ditambak telah menjaskankan kestabilan struktur tersebut dan menyebabkan lapisan geotextile rosak seperti di **Gambar 1.13**.



Gambar 1.13
Kedudukan Struktur Gabion Yang Condong Dan Lapisan Geotextile Yang Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Machang Bubok, SPT
Tarikh: 5 Jun 2012

iv. Tanah Merah Tidak Digunakan

- Menurut BQ kerja, tanah merah hendaklah dibekalkan dan ditambak di lokasi-lokasi projek yang ditetapkan. Berdasarkan gambar projek yang diperoleh daripada JPS Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Barat Daya mendapati kerja-kerja seperti di **Jadual 1.1** dan **Gambar 1.14** hingga **Gambar 1.16** tidak menggunakan tanah merah.

Jadual 1.1
Kerja Yang Tidak Menggunakan Tanah Merah

Bil.	Projek	Daerah	Kos Projek (RM)	Bill of Quantities	(RM)
1.	Mendalam Dan Membalik Sungai Dan Kerja Berkaitan Dengannya Di Sungai Sama Gagah, SPT (2012)	Seberang Perai Tengah	65,665	Membekal, Menambak Serta Memampat Tanah Merah Yang Diluluskan Dengan Ukuran Kiraan [1/2(1+2.5) 0.7] x 60 m (Gambar 1.14)	2,100

Bil.	Projek	Daerah	Kos Projek (RM)	Bill of Quantities	(RM)
2.	Kerja-kerja Mendalam Dan Membaiki Sungai-sungai Di Bukit Minyak Dan Kerja-kerja Berkaitan, SEBERANG PERAI TENGAH (2012)		62,165	Membekal, Menambak Serta Memampat Tanah Merah Yang Diluluskan Di Lokasi Tanah Runtuh (Belakang Stesen Minyak Shell) Dengan Ukuran Kiraan (10 m x 3.5 m x 1.8 m) (Gambar 1.15)	1,323
3.	Mendalam Dan Membaiki Sungai Ara, Balik Pulau Dan Kerja-kerja Berkaitan, Barat Daya (2010)	Barat Daya	36,200	Membekal Dan Memadat Tanah Di Belakang Raga Gabion (Gambar 1.16)	3,500
Jumlah					6,923

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Seberang Perai Tengah Dan Daerah Barat Daya

Gambar 1.14
Tanah Merah Tidak Digunakan



Sumber: JPS Daerah Seberang Perai Tengah
Lokasi: Sungai Sama Gagah, SPT

Gambar 1.15
Tanah Merah Tidak Digunakan Di Lokasi Tanah Runtuh



Sumber: JPS Daerah Seberang Perai Tengah
Lokasi: Sungai Kilang Ubi, SPT



Gambar 1.16
Tanah Merah Tidak Digunakan Di Belakang Raga Gabion

Sumber: JPS Daerah Barat Daya
Lokasi: Sungai Ara, Barat Daya

- Semakan lanjut mendapati kedua-dua daerah tersebut telah membuat bayaran kepada kontraktor terlibat berjumlah RM6,923 walaupun tidak menggunakan tanah merah seperti yang ditetapkan dalam BQ.

- Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, Sungai Sama Gagah dipengaruhi oleh air pasang surut sungai dan memberi impak pemendapan tanah merah. Keputusan di tapak telah dibuat untuk menambah tanah korekan sekitar jenis yang sesuai diratakan di atas tanah merah bagi meninggikan ban mengikut keperluan di tapak. Bagi Sungai Kilang Ubi, kerja-kerja membekal, menambak serta memampatkan tanah merah telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Bagaimanapun, satu kejadian banjir kilat dan limpahan air sungai telah berlaku pada 29 April 2011 menyebabkan ban runtuh dan tanah merah yang ditambah telah dihanyutkan oleh arus yang deras. Tindakan susulan telah diambil oleh JPS dengan mengarahkan pihak kontraktor untuk membuat semula kerja-kerja yang terlibat. Manakala di Sungai Ara, anggaran JPS untuk harga tanah merah adalah RM500 berbanding harga tawaran kontraktor sejumlah RM3,500. Semasa taklimat tapak dijalankan, kontraktor telah diberi penerangan berkaitan kerja-kerja membekal dan memadat tanah merah di belakang raga *gabion* yang akan menggunakan tanah merah apabila tanah asal tidak mencukupi. Di lokasi projek ini, *gabion* bahagian atas yang dipasang adalah jenis *stone-matress* berukuran 2 m panjang X 1 m lebar X 0.3 m tebal yang memerlukan tanah asal dipotong sebagai tapak asas.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana kerja-kerja yang dijalankan tidak mengikut sepenuhnya spesifikasi yang ditetapkan.

b. *Bill of Quantities* Kerja Tidak Disediakan Dengan Sempurna

Bill of Quantities adalah dokumen yang menyenaraikan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan secara terperinci bagi membolehkan penyebut harga meletakkan harga kerja dan mestilah disediakan oleh seorang yang terlatih dan berkelayakan. Semakan Audit mendapati *BQ* kerja tidak disediakan dengan sempurna seperti berikut:

i. Kerja Pemasangan Beg Pasir Tidak Dinyatakan Dalam *BQ*

- JPS Daerah Seberang Perai Selatan telah melaksanakan satu projek pengukuhan tebing di Sungai Baong pada tahun 2012. Lawatan Audit ke lokasi projek pada 5 Jun 2012 mendapati beg pasir telah diletakkan di hujung struktur *u-drain* seperti di **Gambar 1.17**.

Gambar 1.17
Beg Pasir Diletakkan Di Hujung Struktur U-Drain



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sungai Baong, Daerah Seberang Perai Selatan
 Tarikh: 5 Jun 2012

- Menurut pegawai JPS, pemasangan beg pasir tersebut merupakan satu langkah penyelesaian sementara bagi menghalang struktur *u-drain* dan tanah daripada runtuh. Semakan lanjut mendapati kerja pemasangan beg pasir ini tidak dinyatakan di dalam *BQ*. *BQ* hanya menyatakan kerja pemasangan *u-drain* dan memadatkan tanah merah di kedua-dua belah *u-drain* tersebut.
- *BQ* sepatutnya disediakan dengan mengenal pasti keperluan membina satu penahan yang kukuh di hujung struktur *u-drain*. Beg pasir tidak sesuai digunakan kerana jangka hayatnya pendek akibat daripada terdedah kepada cuaca. Tanpa penahan yang kukuh di antara struktur *u-drain* dan tebing sungai akan menyebabkan proses kerukkan tanah dan seterusnya berlaku runtuhuan.
- **Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, kerja-kerja pengukuhan tebing di Sungai Baong dijalankan secara berfasa bergantung kepada peruntukan yang diperoleh. Kerja-kerja pemasangan beg pasir ini tidak dinyatakan di dalam *BQ* tetapi pihak kontraktor telah membuat cadangan mengikut keperluan semasa di tapak. JPS akan meneliti semula dan mengemaskinikan *BQ* pada masa hadapan.**

ii. Jenis Batu Tidak Dinyatakan Dalam *BQ*

- JPS Daerah Barat Daya telah melaksanakan Projek Mendalam Dan Membalik Sungai Nibong Besar Dan Kerja-kerja Berkaitan di Sungai Ara yang berjumlah RM89,940 dan disiapkan pada 7 Mei 2012. Antara skop kerjanya ialah pemasangan *gabion* di Sungai Ara melibatkan pembekalan, penyusunan dan pengisian batu pejal bersaiz antara 125 hingga 225 mm

dengan padat dan kemas. Penyusunan batu pejal perlu ditempatkan di dalam raga *mesh wire* 2.7 mm menggunakan *PVC coated galvanised wire gabion* dan diikat antara satu raga dengan yang lain. Menurut pegawai JPS, projek ini dilaksanakan bertujuan untuk membaiki tebing sungai yang runtuh.

- Lawatan Audit mendapati bongkah konkrit, serpihan pasu dan batu *granite* telah digunakan dalam sangkar *gabion* seperti di **Gambar 1.18** dan **Gambar 1.19**.

Gambar 1.18

Bongkah Konkrit Yang Terdapat Di Dalam Sangkar Gabion



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Ara, Daerah Barat Daya
Tarikh: 6 Jun 2012

Gambar 1.19

Bahan Batu Lain Seperti Serpihan Pasu Turut Dimuatkan Di Dalam Sangkar Gabion



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Ara, Daerah Barat Daya
Tarikh: 6 Jun 2012

- Semakan Audit seterusnya mendapati *BQ* tidak menjelaskan jenis batu pejal yang sesuai digunakan di dalam sangkar *gabion*. Penggunaan bongkah konkrit dan serpihan pasu dalam penyusunan batu *gabion* adalah tidak sesuai kerana bongkah konkrit dan serpihan pasu tersebut tidak dijalankan ujian kekuatan seperti batu *granite*. Oleh itu, tahap ketahanan struktur batu *gabion* tidak dapat disahkan.
- **Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, mengikut spesifikasi serta syarat yang dinyatakan dalam *BQ* kerja adalah merangkumi spesifikasi standard JKR dan tidak perlu dimasukkan dalam *BQ* kerja. Namun, JPS akan meneliti semula dan mengemaskinikan *BQ* bagi kerja-kerja pada masa hadapan. Semasa lawatan Audit pada 6 Jun 2012, bayaran untuk kerja tersebut belum dilakukan kerana masih ada kecacatan yang belum disempurnakan oleh kontraktor dan lawatan tersebut telah membantu JPS dalam mengenal pasti ketidakpatuhan spesifikasi oleh kontraktor di samping turut dikesan oleh Juruteknik daerah. Arahan secara lisan telah dikeluarkan kepada kontraktor untuk membaiki kecacatan tersebut sebelum bayaran dibuat.**

iii. Keluasan Ruang Lay Bye Tidak Dirancang Secara Terperinci Dalam BQ

- Projek Mendalam Dan Membalik Sungai-sungai Di Bukit Minyak Dan Kerja-kerja Berkaitan di Daerah Seberang Perai Tengah bernilai RM62,165 telah disiapkan pada 30 April 2012. Antara butiran kerjanya ialah membekal, merata dan memampat tanah merah berukuran 6 m x 4 m x 2 m untuk membuat *lay bye* di penghujung lintasan sedia ada. Ini bertujuan menyediakan ruang bagi membolehkan kenderaan membelok ke jambatan sedia ada.
- Lawatan Audit mendapati *lay bye* telah disediakan mengikut keluasan yang ditetapkan dalam *BQ*. Bagaimanapun, hasil pemerhatian dan pengujian ruang *lay bye* mendapati ruang tersebut adalah kecil untuk membelok kenderaan seperti di **Gambar 1.20** dan **Gambar 1.21**.

Gambar 1.20
Ruang Lay Bye Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Kilang Ubi, Daerah Seberang Perai Tengah
Tarikh: 24 Oktober 2012

Gambar 1.21
Ruang Lay Bye Tidak Digunakan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Kilang Ubi, Daerah Seberang Perai Tengah
Tarikh: 24 Oktober 2012

- Selain itu, pihak Audit telah menemu bual penduduk berhampiran dan berdasarkan temu bual, penduduk memaklumkan bahawa ruang *lay bye* tersebut kecil dan menyukarkan pengguna membuat belokan. Ini kerana ruang yang disediakan tidak mengambil kira keperluan ruang pusingan kenderaan. Keadaan ini berlaku kerana pegawai JPS tidak membuat siasatan secara terperinci di tapak projek bagi menentukan ruang yang mencukupi dan memberi keselesaan kepada pengguna laluan tersebut sebelum penyediaan *BQ*.
- **Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, mengikut peruntukan yang diperoleh, lay bye telah disediakan dalam lingkungan rizab sungai di mana pengambilan balik tanah tidak dilaksanakan. Kerja-kerja menaik taraf lay bye yang lebih besar boleh dijalankan**

sekiranya memperoleh peruntukan yang mencukupi untuk pengambilan tanah dan kerja-kerja pembinaan.

iv. Laluan Sementara Arus Air Tidak Dinyatakan Dalam BQ

- JPS Daerah Seberang Perai Selatan telah melaksanakan satu projek pengukuhan tebing di Sungai Baong pada tahun 2012. Berdasarkan BQ, kontraktor perlu membekal, memasang dan membina struktur *u-drain* termasuk kerja-kerja menampal sambungan antara unit longkang. Lawatan Audit mendapati kerja penampalan di bahagian dasar *u-drain* telah dilaksanakan. Bagaimanapun, penampalan tersebut tidak sempurna dan lubang salur air (*weephole*) telah ditutup dengan simen seperti di **Gambar 1.22**.



Gambar 1.22
Bahagian Dasar *U-Drain* Tidak
Ditampal Dengan Sempurna Dan
Weephole Disimen

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sungai Baong, SPS


Tarikh: 5 Jun 2012

- Penampalan yang tidak sempurna berlaku kerana gangguan air sungai semasa kerja-kerja penyambungan struktur *u-drain*. Semakan lanjut mendapati BQ kerja tidak menyatakan penyediaan laluan sementara (*bypass*) arus air bagi memudahkan kerja-kerja penampalan dibuat. Penampalan yang tidak kemas boleh memberi kesan terhadap struktur longkang seperti pemendapan tanah.
- **Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, kerja-kerja menampal ruang antara unit longkang bertujuan untuk mencantikkan serta menutup ruang pergerakan *u-drain*. Bagaimanapun, kerja-kerja ini tidak dapat dibuat dengan sempurna di bahagian dasar unit longkang kerana aliran air sungai yang tinggi. Cadangan untuk membina laluan air sementara adalah tidak sesuai kerana ruang kerja yang ada adalah terhad. Di samping itu, keadaan aliran air yang kuat akan menyukarkan kerja pembinaan laluan air sementara. JPS akan meneliti semula perancangan pelaksanaan projek dan memperoleh peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja pengukuhan tebing sungai. Manakala, *weephole* yang ditutup telah dibuka semula oleh pihak kontraktor.**

Pada pendapat Audit, penyediaan *BQ* adalah kurang memuaskan disebabkan perkara-perkara penting dalam pelaksanaan projek tidak diambil kira semasa penyediaan *BQ*.

c. **Kaedah Penggantian Tanah Dasar Sungai Dengan Batu *Crusher Run* Kurang Berkesan**

- i. JPS Daerah Barat Daya telah melaksanakan Projek Mendalam Dan Membalik Sungai Nibong Kecil pada tahun 2010 dan 2011 melalui sebut harga bernilai RM164,932 dan RM114,530 masing-masing. Antara butiran kerja ialah membekal dan meratakan batu *crusher run* setebal 0.6 m ke dalam sungai sepanjang 400 m bertujuan untuk menghilangkan bau di kawasan persekitaran di samping mengelakkan pandangan yang kotor dan hitam pada dasar sungai apabila air laut surut. Menurut pegawai JPS Daerah Barat Daya, kerja ini dibuat berdasarkan aduan bau busuk yang berpunca dari Sungai Nibong Kecil oleh penduduk setempat. Memandangkan lokasi sungai ini berada di antara laluan jalan utama dan taman perumahan serta berhampiran kawasan kilang, JPS Daerah Barat Daya telah melaksanakan projek mengorek dan meratakan batu *crusher run* ke dasar sungai bagi menangani masalah dasar sungai yang kotor.
- ii. Semakan Audit mendapati kerja-kerja pengorekan dan meratakan batu *crusher run* telah dilaksanakan pada tahun 2010 sepanjang 200 meter (m) dan disambung lagi 200 m pada tahun 2011. Bagaimanapun berdasarkan lawatan dan temu bual Audit dengan penduduk berhampiran di lokasi projek mendapati Sungai Nibong Kecil masih lagi berbau dan berwarna hitam seperti di **Gambar 1.23**.



Gambar 1.23
Keadaan Sungai Yang Hitam


Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Nibong Kecil, Daerah Barat Daya
Tarikh: 20 November 2012

- iii. Menurut pegawai JPS Daerah Barat Daya, masalah air sungai yang hitam dan berbau adalah disebabkan batu *crusher run* hanya diratakan sepanjang 400 m berbanding 1,800 m panjang sungai yang tidak mampu untuk memulihkan masalah di sepanjang sungai tersebut. Selain itu, lokasi sungai yang berhampiran dengan kawasan kilang dan pembuangan sampah oleh orang awam turut menyumbang kepada masalah pencemaran sungai. Pada pandangan Audit, kaedah menggunakan batu *crusher run* yang melibatkan kos

berjumlah RM44,160 kurang menunjukkan keberkesanan dalam menyelesaikan masalah air sungai yang hitam dan berbau.

- iv. Semakan selanjutnya mendapati satu projek lain telah dijalankan di lokasi projek tahun 2011 bagi menangani masalah banjir yang berlaku di kawasan berhampiran. Projek ini bernilai RM19,500 telah disiapkan pada 16 November 2012. Antara butiran kerjanya ialah mengorek dasar Sungai Nibong Kecil bagi membuang kelodak dan sampah yang ada. Lawatan susulan Audit pada 20 November 2012 mendapati lapisan batu *crusher run* dan *geotextile* yang telah diletakkan di dasar sungai tersebut telah dikorek dan dikeluarkan dari sungai seperti di **Gambar 1.24** dan **Gambar 1.25**.

Gambar 1.24
***Crusher Run* Yang Dikorek Dari Sungai Nibong Kecil**



Sumber: JPS Daerah Barat Daya
Lokasi: Sungai Nibong Kecil, Daerah Barat Daya
Tarikh: 20 November 2012

Gambar 1.25
Lapisan *Geotextile* Yang Dikorek Keluar



Sumber: JPS Daerah Barat Daya
Lokasi: Sungai Nibong Kecil, Daerah Barat Daya
Tarikh: 20 November 2012

- v. Pencapaian projek kurang menunjukkan keberkesanan dan manfaat di mana masalah dasar sungai yang hitam dan berbau masih tidak selesai dan batu *crusher run* serta *geotextile* yang diletakkan di dasar sungai pada tahun 2011 telah dikorek keluar.
- vi. Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, projek yang dijalankan ini menunjukkan keberkesanan bagi tujuan menghilangkan bau dan pemandangan yang kotor dan hitam di kawasan sungai tersebut. Dalam tempoh 6 bulan pertama ianya memberi kesan yang diharapkan. Bagaimanapun aliran masuk dari punca luar dan sikap orang awam menyebabkan pencemaran berlaku semula. Mendapan telah berlaku pada bahagian *outlet culvert* lintasan jalan utama yang bersambung dengan Sungai Nibong Kecil. Keadaan ini menyebabkan halangan kepada aliran air menjadi perlahan dan tersekat menyebabkan berlaku banjir di kawasan persekitaran. Didapati punca berlakunya banjir disebabkan oleh mendapan, daun dan sampah sarap di dalam perparitan jalan dan juga di bahagian *outlet culvert* di sungai tersebut. Oleh itu, tindakan mengorek telah

dilakukan dan adalah sukar untuk menjalankan kerja mengorek di dasar sungai tersebut tanpa menyentuh batu *crusher run* yang telah diratakan di dalam sungai sebelum ini. Oleh itu pengorekan dilakukan dengan cermat untuk mengurangkan pengeluaran kuantiti batu *crusher run* tersebut.

Pada pendapat Audit, kaedah penggantian dasar sungai menggunakan batu *crusher run* untuk menghilangkan bau dan dasar sungai yang hitam adalah kurang menunjukkan keberkesanan. Selain itu batu *crusher run* yang diletakkan di dasar sungai telah dikorek keluar semasa kerja-kerja mendalamkan sungai bagi mengatasi masalah banjir di kawasan berhampiran.

1.4.1.2. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, JPS telah merancang untuk melaksanakan sebanyak 73 Projek bagi ketiga-tiga daerah di mana sebanyak 25 Projek akan dilaksanakan melalui undi, 47 melalui sebut harga dan 1 melalui tender. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, semakan Audit mendapati bilangan Projek yang dilaksanakan melebihi bilangan Projek yang dirancang. Maklumat bilangan Projek yang dirancang dan dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Bilangan Projek Yang Dirancang Dan Dilaksanakan Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Tahun/Bilangan Projek						Jumlah	
		2010		2011		2012			
		R	L	R	L	R	L	R	L
1.	Barat Daya	22	22	3	3	8	8	33	33
2.	Seberang Perai Selatan	3	3	12	12	5	6	20	21
3.	Seberang Perai Tengah	5	5	8	9	7	7	20	21
Jumlah		30	30	23	24	20	21	73	75

Sumber: JPS Daerah Barat Daya, Daerah Seberang Perai Selatan Dan Daerah Seberang Perai Tengah

Nota: R = Rancang

L = Laksana

1.4.1.3. Berdasarkan jadual di atas, pada tahun 2011 Daerah Seberang Perai Tengah telah merancang sebanyak 8 Projek. Bagaimanapun sebanyak 9 telah dilaksanakan. Manakala pada tahun 2012, JPS Daerah Seberang Perai Selatan telah melaksanakan 6 berbanding 5 Projek yang dirancang. 2 Projek yang tiada dalam perancangan JPS ialah Projek Menaik Taraf Ban Sungai Pertama di Daerah Seberang Perai Tengah dan Projek Pengukuhan Tebing Sungai Jawi Serta Kerja-kerja Berkaitan di Daerah Seberang Perai Selatan. Selain itu, JPS telah membuat perolehan secara sebut harga sebanyak 48 Projek berbanding 47 yang dirancang. Perbezaan ini disebabkan 1 perolehan kerja secara tender yang dirancang iaitu Projek Mendalam Dan Menaik Taraf Sungai-sungai di Juru telah dikurangkan skop kerja dan dilaksanakan melalui sebut harga. Penjelasan lanjut mengenai Projek yang dilaksanakan walaupun tiada dalam perancangan adalah seperti di bawah:

a. Projek Menaik Taraf Ban Sungai Pertama Di Daerah Seberang Perai Tengah

- i. JPS Daerah Seberang Perai Tengah telah melaksanakan Projek Menaik Taraf Ban Sungai Pertama dan telah disiapkan pada 22 Disember 2011 dengan kos RM129,238. Antara butiran kerjanya ialah menaik taraf ban Sungai Pertama yang rosak sepanjang 435 meter (m). Menurut pegawai JPS, projek ini dilaksanakan berdasarkan aduan kerosakan jalan ban selain turut dibangkitkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Semakan Audit terhadap laporan bajet JPS mendapati projek ini tiada dalam perancangan tahun 2011. Kos projek ini telah mendapat kelulusan pindah peruntukan daripada UPEN menggunakan lebihan baki 3 projek lain iaitu Projek Mendalam dan Menaik Taraf Sungai-sungai di Juru, Projek Sungai-sungai di Mengkuang dan Projek Sungai-sungai di Seberang Jaya.
- ii. Semakan lanjut mendapati permohonan tajuk baru projek ini telah dibuat kepada UPEN pada 21 November 2011. Manakala permohonan kepada JKN bagi mempelawa sebut harga tertutup telah dibuat pada 1 Disember 2011. Kelulusan daripada JKN telah diperoleh pada 18 Januari 2012. Kronologi projek ini adalah seperti di **Jadual 1.3**.
- iii. **Mengikut maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013 dan 9 Oktober 2013, Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek-projek Pembangunan Negeri Bil. 8/2011 bertarikh 25 Ogos 2011, telah meluluskan supaya projek ini boleh dilaksanakan dengan segera dan surat kelulusan akan disusuli kemudian. Bagaimanapun perkara ini tidak diminitkan.**

Jadual 1.3

Kronologi Projek Ban Sungai Pertama, Daerah Seberang Perai Tengah

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Permohonan tajuk baru kepada UPEN	21 November 2011
2.	Permohonan mempelawa sebut harga tertutup kepada JKN	1 Disember 2011
3.	Tawaran kepada kontraktor	9 Disember 2011
4.	Kelulusan tajuk baru daripada UPEN	21 Disember 2011
5.	Projek disiapkan	22 Disember 2011
6.	Tarikh baucar bayaran	23 Disember 2011
7.	Kelulusan mempelawa sebut harga tertutup daripada JKN	18 Januari 2012

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Dan Daerah SPT

- iv. Berdasarkan jadual di atas, di dapat projek ini telah dilaksanakan sebelum kelulusan tajuk baru diperoleh daripada UPEN. Selain itu, bayaran projek telah dibuat walaupun kelulusan mempelawa sebut harga tertutup daripada JKN belum diperoleh. **Mengikut maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek-projek Pembangunan Negeri telah meluluskan supaya projek ini boleh dilaksanakan dengan segera dan surat kelulusan akan disusuli kemudian.**

- v. Manakala, bagi memastikan pembayaran diselesaikan dalam tahun semasa, JPS telah menawarkan projek ini tanpa perancangan yang rapi menyebabkan jalan kembali rosak selepas 8 bulan projek ini disiapkan seperti di **Gambar 1.26** walaupun laluan jalan tersebut disediakan palang.



Gambar 1.26
Jalan Rosak Semula Selepas 8 Bulan
Projek Disiapkan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Pertama, Daerah Seberang Perai Tengah
Tarikh: 10 Ogos 2012

- vi. Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, tujuan asal jalan susur ban Sungai Pertama di Daerah Seberang Perai Tengah adalah untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan sahaja. Oleh itu, spesifikasi asal adalah jalan tidak bertar, iaitu jalan ladang jenis *crusher run*. Jalan susur ini adalah dipalang dan tidak membenarkan laluan orang awam. Pembangunan pesat di kawasan sekitar ini telah mewujudkan keperluan penggunaan jalan susur ini dan palang ke jalan susur ini telah dibuka tanpa kebenaran JPS. Jalan susur ini telah dinaikkan taraf atas permintaan Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah kepada spesifikasi jalan kampung mengikut peruntukan yang diperoleh. Jalan susur telah diserahkan kepada Pejabat Daerah pada 29 Dis 2010. Sehubungan itu, kerja-kerja penyenggaraan jalan harus dijalankan oleh pihak Pejabat Daerah.

b. Projek Pengukuhan Tebing Sungai Jawi Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Daerah Seberang Perai Selatan

- i. JPS Daerah Seberang Perai Selatan telah memperuntukkan sejumlah RM200,000 bagi melaksanakan Projek Pengukuhan Tebing Sungai Jawi pada tahun 2012. Pada 4 Mei 2012, JPS Daerah Seberang Perai Selatan telah melaksanakan projek tersebut melalui sebut harga bernombor JPS/N/S/SPS/D/38-2012 bernilai RM175,440 yang disiapkan pada 4 Julai 2012. Bagaimanapun pada 12 September 2012, JPS Daerah Seberang Perai Selatan telah melaksanakan projek di sungai yang sama bernilai RM90,680 melalui sebut harga bernombor JPS/N/S/SPS/D/54-2012 yang disiapkan pada 29 Oktober 2012 yang merupakan sambungan projek terdahulu. Semakan Audit mendapati projek sambungan melalui sebut harga bernombor JPS/N/S/SPS/D/54-2012 di Sungai Jawi ini tiada dalam perancangan asal tahun 2012.

- ii. Menurut JPS, projek ini dilaksanakan kerana mempunyai lebihan peruntukan daripada 5 projek lain iaitu Projek Mendalam dan Membalik Sungai Tasek Chempedak, Projek Membalik Tebing Sungai Bakar Arang, Projek Pengukuhan Tebing Sungai Baong, Projek Mendalam Sungai Kechil, Sungai Daun Dan Sungai Mati dan Projek Pengukuhan Tebing Sungai Jawi. Semakan lanjut mendapati projek ini dilaksanakan sebelum kelulusan pindah peruntukan daripada UPEN pada 6 November 2012 diterima.
- iii. **Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, projek ini telah dilaksanakan dengan menggunakan lebihan peruntukan atas persetujuan JKN dan UPEN bagi memberi sumbangan kepada prestasi perbelanjaan kewangan negeri. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek-projek Pembangunan Negeri telah meluluskan supaya projek ini boleh dilaksanakan dengan segera dan surat kelulusan akan disusuli kemudian.**

c. **Projek Mendalam Dan Menaik Taraf Sungai-sungai Di Juru**

- i. JPS Daerah Seberang Perai Tengah telah merancang untuk melaksana Projek Mendalam Dan Menaik Taraf Sungai-sungai Di Juru, Bukit Mertajam secara tender pada bulan Mac 2011. Pada 14 Julai 2011, JPS telah menjual dokumen tender melalui sistem e-Perolehan dan seterusnya Lembaga Perolehan Negeri yang bersidang pada 18 Oktober 2011 telah memilih penender No.21/35 dengan harga RM200,010 untuk disiapkan dalam tempoh 8 minggu. Pada 31 Oktober 2011, JPS memohon kepada Lembaga Perolehan Negeri untuk bersidang bagi memilih semula penender projek tersebut. Bagaimanapun pada 2 November 2011, JPS telah memohon kelulusan daripada JKN bagi mempelawa sebut harga tertutup.
- ii. Semakan Audit mendapati pelaksanaan projek ini tidak mengikut perancangan asal JPS. Projek ini sepatutnya dilaksanakan secara tender, bagaimanapun telah dipinda kepada sebut harga. Jawatankuasa Sebut Harga JPS telah menawarkan sebut harga kepada kontraktor No.8/8 dengan harga RM99,400 pada 17 November 2011. Menurut pegawai JPS, memandangkan jika perolehan dibuat secara tender, projek sukar disiapkan dalam tahun semasa. Dengan itu skop kerja telah dikurangkan kepada nilai tidak melebihi RM100,000 supaya perolehan secara sebut harga tertutup dapat dibuat.
- iii. Pengurangan skop kerja telah menyebabkan kerja-kerja yang ditetapkan di dalam kontrak tender tidak dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada penduduk berhampiran sungai-sungai di Juru. Selain itu, perubahan kaedah perolehan ini telah menyebabkan 35 petender tidak layak menyertai perolehan secara sebut harga disebabkan berbeza kelas kontraktor walaupun telah membayar kos pembelian dokumen tender.

- iv. Berdasarkan maklum balas JPS bertarikh 17 April 2013, surat setuju terima tidak dapat dikeluarkan kepada penender No.21/35 kerana tidak mendapat kelulusan dari negeri. Sehubungan dengan itu, JPS memohon untuk membatalkan tender tersebut dan diganti dengan sebut harga. Selain itu, di atas faktor tempoh penyiapan, skop kerja terpaksa dikurangkan untuk mencapai sasaran tarikh siap pada tahun semasa. JPS tidak dapat melaksanakan projek di sepanjang Sungai Juru yang panjangnya 7.95 km disebabkan peruntukan yang terhad. Walaupun terdapat pengurangan skop kerja, pelaksanaan projek ini mengikut kemampuan kewangan masih memberi kesan dan manfaat kepada penduduk setempat.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Projek Mendalam Dan Membalik Sungai dapat dijalankan dengan berkesan, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang mengambil tindakan seperti berikut:

- 1.5.1. Meningkatkan pengawasan terhadap pelaksanaan projek bagi memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi.
- 1.5.2. Memastikan *BQ* disediakan secara terperinci dengan mengambil kira perkara-perkara yang penting supaya pelaksanaan projek dibuat dengan lebih sempurna.
- 1.5.3. Kajian yang terperinci perlu dijalankan sebelum sesuatu kaedah yang dilaksanakan tidak merugikan JPS dan sentiasa memberi manfaat kepada penduduk setempat di samping peruntukan yang mencukupi bagi membolehkan JPS melaksanakan Penyelidikan dan Pembangunan berkaitan sungai.

JABATAN KERJA RAYA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

2. PROGRAM PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jalan negeri bererti mana-mana jalan awam yang boleh dilalui oleh orang awam selain daripada jalan Persekutuan. Mengikut Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan, penyenggaraan jalan negeri ditakrifkan sebagai pemeliharaan, penjagaan dan pemulihian jalan-jalan negeri termasuk komponen *pavement*, bahu jalan, saliran dan perparitan, perabot jalan, jambatan, jejambat atau pembetung yang menjadi sebahagian dari jalan itu atau yang bersambung dengannya dengan seberapa hampir yang mungkin dengan keadaan asalnya seperti mana dibina atau dibaiki. Secara amnya, tujuan penyenggaraan jalan berdasarkan Buku Panduan “Senggara Jalan – Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu” keluaran Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah untuk memastikan:

- 2.1.1.1.** Permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat;
- 2.1.1.2.** Struktur jalan mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk menampung beban trafik; dan
- 2.1.1.3.** Laluan dapat dipulihkan dengan kadar segera apabila berlaku kejadian yang tidak dijangka seperti tanah runtuh dan sebagainya.

2.1.2. Kerja penyenggaraan jalan Negeri dibahagikan kepada 3 kategori utama iaitu penyenggaraan berkala, biasa dan kecemasan. Keterangan lanjut mengenai 3 jenis penyenggaraan ini adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Tiga Jenis Penyenggaraan Jalan Negeri

Jenis Penyenggaraan	Keterangan
Berkala	Penyenggaraan jalan negeri secara berkala memerlukan pemeriksaan dan penilaian ke atas keupayaan struktur <i>pavement</i> jalan sedia ada dalam menampung unjuran beban trafik bagi menentukan kaedah pembaikan yang sesuai. Kerosakan permukaan jalan biasanya dapat dikaitkan dengan kelemahan struktur <i>pavement</i> jalan. Contoh penyenggaraan berkala adalah seperti menguatkan struktur <i>pavement</i> jalan, membuang permukaan jalan sedia ada dan menggantikan dengan permukaan jalan yang baru (<i>resurfacing</i>) setiap 5 hingga 10 tahun sekali berdasarkan purata trafik harian sebagaimana yang digariskan dalam <i>Highway Maintenance Manual</i> serta memotong dan menampal permukaan jalan yang retak sebelum menurap semula jalan sedia ada.

Jenis Penyenggaraan	Keterangan
Biasa	Penyenggaraan jalan negeri secara biasa memerlukan kerja pemberian ke atas kerosakan yang boleh dijangka dan dikawal dari segi sifatnya dan penentuan masa pemberian serta tidak membabitkan kelemahan struktur <i>pavement</i> jalan. Penyenggaraan ini terbahagi kepada beberapa jenis iaitu penyenggaraan <i>pavement</i> , penyenggaraan bahu jalan, pemotongan rumput, penyenggaraan perabot jalan, penyenggaraan pembetung dan jambatan serta penyenggaraan longkang.
Kecemasan	Penyenggaraan jalan negeri semasa kecemasan melibatkan kerosakan yang tidak dapat dijangkakan atau di luar kawalan tetapi memberi kesulitan atau membahayakan pengguna jalan raya dengan serta merta seperti tanah runtuh, tambak/benteng runtuh, jambatan runtuh, pokok tumbang, pembetung dan struktur parit runtuh, tumpahan bahan kimia atau bahan lain yang berbahaya di jalan raya.

Sumber: Buku Garis Panduan Penyenggaraan Jalan Tahun 2010

2.1.3. Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan negeri dan ia disalurkan melalui Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Pulau Pinang (Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan). Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan ini ditubuhkan pada 1 Januari 1994 di bawah Seksyen 10(1)(b), Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972) dan dikemas kini pada 17 Mac 2010 dan dikawal selia oleh Pengarah Kerja Raya sebagai Pegawai Pengawal. Jumlah pemberian adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS). Jalan negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan terdiri dari jalan bertaraf *standard*, jalan *sub standard*, jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang dan jalan pertanian serta jalan kampung yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

2.1.4. Berdasarkan rekod MARRIS, panjang rangkaian jalan negeri yang disenggarakan di Pulau Pinang sehingga akhir tahun 2012 adalah 2,750.49 km yang meliputi 2,008.52 km disenggara oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) manakala 741.97 km disenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

2.1.5. Bagi tempoh 2010 hingga Februari 2013 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima sejumlah RM199.42 juta pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM175.88 juta telah diagihkan kepada JKR dan PBT selaku agensi pelaksana yang bertanggungjawab menyenggara jalan di Pulau Pinang.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada program penyenggaraan jalan Negeri menggunakan geran daripada Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.3.1. Pengauditan ditumpukan kepada kerja penyenggaraan jalan negeri di bawah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan bagi tempoh 2010 hingga Februari 2013 yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Jalan, JKR Negeri, Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan (JKRSPS), Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya (JKRDBD) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Kaedah pengauditan yang dijalankan adalah dengan menyemak dan menganalisis data, rekod, jadual pelaksanaan dan dokumen yang berkaitan dengan kerja-kerja penyenggaraan jalan negeri. Sebanyak 30 sampel projek yang meliputi kerja penyenggaraan berkala dan biasa serta 5 kerja penyenggaraan kecemasan telah dipilih untuk disemak secara terperinci. Lawatan ke tapak sampel projek yang dipilih juga dijalankan bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai projek penyenggaraan yang dijalankan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab turut dijalankan bagi mendapatkan maklumat berhubung kerja penyenggaraan yang dijalankan. Sebanyak 600 soal selidik telah diedarkan kepada pengguna jalan raya di sekitar daerah yang dipilih bagi melihat tahap kepuasan pengguna terhadap keselesaan, kualiti dan keselamatan jalan raya.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2013 mendapati program penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pelaksanaan kerja penyenggaraan tidak dibuat dengan berkesan.
- Kerja penyenggaraan jalan tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- Rekod MARRIS tidak dikemas kini.
- Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Jalan Negeri Pulau Pinang (Kumpulan Wang Amanah Jalan) tidak memuaskan.
- Daftar aduan awam tidak dikemas kini.

2.4.1. Prestasi Pelaksanaan Program Penyenggaraan Jalan

2.4.1.1. Prestasi Perbelanjaan Dan Agihan Wang MARRIS

- a. Berdasarkan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri layak menerima wang pemberian daripada Kerajaan Persekutuan khusus untuk tujuan penyenggaraan jalan negeri berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam sistem MARRIS. Pemberian ini seterusnya diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan.

- b. Jumlah penerimaan, pengagihan/perbelanjaan yang dibuat bagi tempoh 2010 hingga Februari 2013 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2

Prestasi Penerimaan, Perbelanjaan/Agihan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Pulau Pinang Bagi Tempoh 2010 Hingga Februari 2013

Perihal	Tahun				Jumlah Keseluruhan (RM Juta)
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	Sehingga Februari 2013 (RM Juta)	
Baki Awal	20.84	28.38	23.24	22.62	-
Peruntukan (Geran) Diterima	57.26	59.68	65.98	16.50	199.42
Pelarasan Kredit	0.04	0.21	-	-	0.25
Jumlah	78.14	88.27	89.22	39.12	294.76
Kredit Kepada JKN	4.95	6.69	5.84	0.62	18.1
Agihan Kepada MPPP	7.59	9.88	8.04	0.73	26.24
Agihan Kepada MPSP	10.73	13.98	11.38	1.03	37.12
Perbelanjaan JKR/ JKR Daerah	26.49	34.48	41.34	10.21	112.52
Jumlah Perbelanjaan/Agihan	49.76	65.03	66.60	12.59	193.98
Peratus Perbelanjaan/Agihan (%)	63.7	73.7	74.6	32.2	65.8
Baki Kumpulan Wang Amanah	28.38	23.24	22.62	26.53	-

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang

- c. Berdasarkan **Jadual 2.2**, bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Februari 2013 Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah RM199.42 juta geran penyenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, bagi tempoh yang sama sejumlah RM193.98 juta telah dibelanjakan/diaghikan kepada agensi pelaksana iaitu JKR, PBT dan 10% kepada Jabatan Kewangan Negeri sebagai bayaran gaji dan elaun kakitangan negeri yang terlibat dengan kerja penyenggaraan jalan. Sehingga bulan Februari 2013, peratus agihan/perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Pulau Pinang adalah antara 32.2% hingga 74.6%. Manakala bagi tempoh yang sama baki Kumpulan Wang Amanah ini adalah berjumlah RM26.53 juta.
- d. Selain itu, berdasarkan Arahan Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan, peruntukan yang diterima boleh digunakan bagi tujuan pembayaran gaji dan elaun kakitangan JKR yang terlibat dengan kerja berkaitan penyenggaraan jalan dan bayaran tersebut dibuat melalui pelarasan ke Akaun Terimaan Bukan Hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jumlah tahunan bayaran tersebut hendaklah tidak melebihi 10% daripada jumlah pemberian yang diterima bagi tahun yang berkaitan. Bagi tempoh 2010 hingga Februari 2013 sejumlah RM18.10 juta telah dikreditkan kepada Pejabat Kewangan Negeri bagi tujuan tersebut.

2.4.1.2. Prestasi Perbelanjaan Wang MARRIS Oleh Agensi Pelaksana

- a. Bagi tempoh 2010 hingga Februari 2013 Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menggunakan geran peruntukan MARRIS masing-masing berjumlah RM16.73 juta, RM20.0 juta dan RM37.12 juta. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM17.04 juta telah dibelanjakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, RM20.95 juta oleh Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan RM40.21 juta oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3

Jumlah Terimaan Dan Perbelanjaan Peruntukan Geran MARRIS Oleh JKRSPS, JKRDDBD Dan MPSP bagi Tempoh 2010 Hingga Februari 2013

Agensi Pelaksana / Butiran	JKRSPS (RM Juta)	JKRDDBD (RM Juta)	MPSP (RM Juta)	Jumlah Keseluruhan (RM Juta)
Peruntukan/Geran Diterima	16.73	20.0	37.12	73.85
Perbelanjaan	17.04	20.95	40.21	78.20

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai

Nota: JKRSPS - Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan

JKRDDBD - Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya

MPSP - Majlis Perbandaran Seberang Perai

- b. Analisis Audit mendapati jumlah perbelanjaan yang dibuat bagi kerja penyenggaraan jalan oleh ketiga-tiga agensi pelaksana untuk tempoh tersebut adalah melebihi peruntukan yang diterima. Bagaimanapun, kurangan peruntukan ini telah dibiayai oleh baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan bagi tahun sebelumnya. Butiran adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4

Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Pulau Pinang Di JKRSPS, JKRDDBD Dan MPSP Bagi Tempoh 2010 Hingga Februari 2013

Agensi Pelaksana / Tahun	JKRSPS				JKRDDBD				MPSP			
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (Feb) (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (Feb) (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (Feb) (RM Juta)
Baki awal	2.42	0.68	1.45	1.43	2.48	0.90	1.46	2.04	9.09	10.44	11.01	6.90
Peruntukan Diterima	3.83	5.30	6.25	1.35	4.60	7.70	7.25	0.45	10.73	13.98	11.38	1.03
Jumlah	6.25	5.98	7.70	2.78	7.08	8.60	8.71	2.49	19.82	24.42	22.39	7.93
Perbelanjaan	5.57	4.53	6.27	0.67	6.18	7.14	6.67	0.96	9.38	13.41	15.49	1.93
Peratus Perbelanjaan (%)	89.1	75.8	81.4	24.1	87.3	83.0	76.6	38.6	47.3	54.9	69.2	24.3
Baki Wang Amanah	0.68	1.45	1.43	2.11	0.90	1.46	2.04	1.53	10.44	11.01	6.90	6.00

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai

Nota: JKRSPS - Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan

JKRDDBD - Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya

MPSP - Majlis Perbandaran Seberang Perai

- c. Peratus perbelanjaan Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya adalah antara 24.1% hingga 89.1%. Manakala peratus perbelanjaan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah antara 24.3% hingga 69.2%. Baki wang amanah yang masih belum dibelanjakan sehingga Februari 2013 bagi Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah masing-masing berjumlah RM2.11 juta, RM1.53 juta dan RM6 juta.
- d. Selain itu, semakan Audit mendapati sejumlah RM24,176 telah digunakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya untuk perbelanjaan yang tidak dibenarkan dalam Arahan Amanah Penyenggaraan Jalan seperti pembelian cenderahati untuk peserta kursus dan tuntutan perjalanan kakitangan untuk meluluskan baucar e-SPKB di Ibu Pejabat JKR KOMTAR. Keadaan ini berlaku disebabkan kelemahan pemantauan di peringkat JKR sebagai Pegawai Pengawal terhadap agihan geran penyenggaraan jalan negeri kepada agensi pelaksana. Kesannya, geran penyenggaraan jalan negeri yang disalurkan tidak digunakan bagi tujuan yang sewajarnya.
- e. **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 27 September 2013, Bendahari Negeri memaklumkan bahawa semasa peruntukan geran penyenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan disalurkan tiada peraturan atau arahan amanah yang khusus bagi menjelaskan perbelanjaan bagi tujuan pembayaran gaji dan elaun kakitangan yang terlibat dengan kerja penyenggaraan jalan. Sehubungan itu, selagi tiada standard yang dikeluarkan arahan amanah sedia ada yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri masih akan diguna pakai.**

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan geran penyenggaraan jalan negeri yang disalurkan ke Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan adalah baik kerana peratus perbelanjaan geran penyenggaraan jalan adalah tinggi tetapi geran tersebut juga telah dibelanjakan untuk perbelanjaan yang tidak memenuhi skop sebenar kerja penyenggaraan yang dibenarkan seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah.

2.4.1.3. Prestasi Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan

- a. Bagi tempoh 2010 hingga 2012 Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan telah merancang untuk menjalankan 79 kerja penyenggaraan berjumlah RM11.81 juta. Perancangan kerja penyenggaraan bagi tahun 2011 hingga 2012 bagi Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai pula masing-masing 94 kerja berjumlah RM13.51 juta dan 180 kerja berjumlah RM13.21 juta. Tiada perancangan secara terperinci disediakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk tahun 2010. Selain itu, 46 kerja penyenggaraan berjumlah RM5.44 juta yang dirancang oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tempoh 2 tahun tersebut tidak diperincikan mengikut jenis kerja tetapi dirancang secara umum. Butiran adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5**Perancangan Kerja Penyenggaraan Jalan Negeri Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Agenzi Pelaksana	2010		2011		2012		Jumlah Keseluruhan	
	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
JKRSPS	24	4.0	31	3.36	24	4.45	79	11.81
JKRDBD	-	-	37	5.84	57	7.67	94	13.51
MPSP	-	-	62	7.56	118	5.65	180	13.21
Jumlah	24	4.0	130	16.76	199	17.77	353	38.53

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai

Nota: JKRSPS - Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan

JKRDBD - Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya

MPSP - Majlis Perbandaran Seberang Perai

- b. Bagi tempoh 2010 hingga 2012 Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan telah melaksanakan 110 kerja penyenggaraan jalan berjumlah RM13.37 juta berbanding 79 yang dirancang. Bagi tempoh yang sama Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah melaksanakan masing-masing 298 kerja penyenggaraan jalan berjumlah RM19.05 juta dan 3,535 kerja penyenggaraan jalan berjumlah RM37.95 juta berbanding jumlah yang dirancang. Jumlah kerja penyenggaraan jalan yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6**Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan Jalan Negeri Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Agenzi Pelaksana	2010		2011		2012		Jumlah Keseluruhan	
	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
JKRSPS	40	3.88	39	5.12	31	4.37	110	13.37
JKRDBD	108	5.90	78	6.49	112	6.66	298	19.05
MPSP	1,059	9.43	969	13.37	1,507	15.15	3,535	37.95
Jumlah	1,207	19.21	1,086	24.98	1,650	26.18	3,943	70.37

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai

Nota: JKRSPS - Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan

JKRDBD - Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya

MPSP - Majlis Perbandaran Seberang Perai

- c. Analisis Audit mendapati tidak semua kerja yang dirancang telah dilaksanakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya, Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan Majlis Perbandaran Seberang Perai kerana pelaksanaan kerja yang dijalankan adalah bergantung kepada keperluan semasa. Bagaimanapun, kerja yang tidak dilaksanakan telah diganti dengan kerja penyenggaraan lain yang lebih mendesak.
- d. Selain itu, *Highway Maintenance Manual* mencadangkan supaya program penyenggaraan jalan bagi membaharu muka jalan dilakukan berdasarkan purata trafik harian (*Average Daily Traffic* – ADT). Bagi ADT yang kurang dari 500 kenderaan, jalan dicadangkan untuk di baharu muka setiap 10 tahun. Manakala ADT antara 500 hingga 1,000 kenderaan jalan tersebut dicadangkan untuk dibaharui muka

setiap 5 tahun dan bagi ADT yang melebihi 1,000 kenderaan, jalan tersebut dicadangkan dibina semula (*reconstruct*) setiap 7 tahun sekali. Bagaimanapun, program penyenggaraan yang disediakan tidak dapat dibuat mengikut manual kerana program penyenggaraan yang disediakan adalah mengikut keperluan iaitu berdasarkan kepada aduan yang diterima, hasil lawatan kakitangan Bahagian Operasi atau permintaan daripada wakil rakyat yang menghendaki sesuatu jalan disenggarakan. Kesannya, program penyenggaraan yang dilaksanakan adalah terbatas dan tidak dapat dibuat secara menyeluruh.

- e. **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 27 September 2013, pelaksanaan kerja penyenggaraan adalah bergantung pada peruntukan yang diterima. Agensi pelaksana yang terlibat tidak melaksanakan kerja penyenggaraan mengikut perancangan disebabkan perlu memberi perhatian kepada penyenggaraan lain yang lebih mendesak di samping faktor lain seperti pertambahan kenderaan berat di jalan-jalan tertentu, aduan daripada orang awam dan permohonan daripada pemimpin masyarakat.**

Pada pendapat Audit, Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah merancang dan melaksanakan kerja penyenggaraan jalan dengan sewajarnya. Bagaimanapun, program penyenggaraan yang dirancang perlulah lebih menyeluruh dengan mengambil kira faktor struktur dan *pavement* jalan.

2.4.1.4. Penyenggaraan Biasa

Penyenggaraan biasa meliputi kerja yang dijalankan mengikut tempoh masa yang ditetapkan seperti penyenggaraan bahu jalan, menampal *pavement* jalan, pemotongan rumput, penyenggaraan perabot jalan, pembetung dan pembersihan longkang. Kerja penyenggaraan biasa dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik atau dilaksanakan sendiri oleh kakitangan JKR dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Bagi tempoh 2010 hingga 2012 Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya telah melaksanakan masing-masing 27 penyenggaraan biasa berjumlah RM3.91 juta dan 69 penyenggaraan biasa berjumlah RM2.92 juta. Manakala sejumlah RM2.24 juta untuk 118 kerja penyenggaraan biasa telah dijalankan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.

a. Menampal Dan Membaiki Kerosakan Jalan

Berdasarkan Piagam Pelanggan Jabatan kerja menampal dan membaiki lubang-lubang (*potholes*) perlu dilaksanakan dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima. Ini bagi memastikan jalan tersebut selesa dan selamat digunakan oleh pengguna. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan telah melaksanakan 25 kerja menampal dan membaiki jalan berjumlah RM3.75 juta, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya pula telah melaksanakan 18 kerja menampal dan membaiki kerosakan jalan berjumlah

RM0.83 juta dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah melaksanakan 11 kerja menampal dan membaiki jalan berjumlah RM0.31 juta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah sebenar kerja menampal jalan yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai kerana kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan pada tahun 2011 dan 2012 tidak dipecahkan dan diperincikan. Lawatan Audit ke jalan di sekitar kawasan senggaraan Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada bulan April, Mei dan Jun 2013 mendapati masih terdapat jalan berlubang dan rosak yang boleh membahayakan pengguna jalan raya masih belum dibaiki seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**.

Gambar 2.1
Permukaan Jalan Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kg Gajah,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 April 2013

Gambar 2.2
Delimitation Pada Permukaan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Balik Pulau, Daerah Barat Daya
Tarikh: 6 Jun 2013

Gambar 2.3
Permukaan Jalan Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kg Padang Lalang,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 April 2013

Gambar 2.4
Permukaan Jalan Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Balik Pulau, Daerah Barat Daya
Tarikh: 10 April 2013

b. Menyenggara Papan Tanda Amaran, Peringatan Dan Tunjuk Arah

Penyenggaraan ini melibatkan kerja membersihkan, membaiki dan mengecat semula papan tanda amaran, peringatan dan papan tunjuk arah. Bagi tempoh 2010 hingga 2012 kerja menyenggara papan tanda bagi Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dilaksanakan oleh kakitangan Jabatan. Tiada sebut harga dikeluarkan

bagi kerja tersebut. Lawatan Audit ke jalan dan taman di sekitar kawasan senggaraan Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada bulan April, Mei dan Jun 2013 mendapati papan tanda amaran di Taman Seri Serdang dan Taman Guar Perahu tidak disenggara dengan sewajarnya. Papan tanda amaran yang dipasang terlindung oleh pokok sehingga sukar dilihat oleh pengguna jalan seperti di **Gambar 2.5**.



Gambar 2.5
Bahu Jalan Semak Menyebabkan Papan Tanda Terlindung

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Seri Serdang,

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tarikh: 15 Mei 2013

c. Penyenggaraan Dan Pembersihan Longkang/Bahu Jalan/Memotong Rumput

JKR telah menetapkan penyenggaraan bahu jalan meliputi kerja-kerja seperti memangkas pokok/semak samun, memotong rumput dan menyenggara longkang bagi memastikan bahu jalan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 15 dan 22 Mac 2000 memutuskan kerja-kerja penyenggaraan landskap termasuk pemotongan rumput di bahu/tepi jalan dan pembersihan longkang dan parit konkrit dipertanggungjawabkan kepada PBT. Berdasarkan Piagam Pelanggan Majlis Perbandaran Seberang Perai di bawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan, kerja-kerja pembersihan parit, jalan, bahu jalan dan tanah lapang hendaklah dijalankan sekali seminggu untuk kawasan perumahan dan 3 kali seminggu untuk kawasan komersial. Manakala kerja-kerja pemotongan rumput hendaklah dijalankan setiap 3 minggu sekali di kawasan perumahan dan komersial. Bagaimanapun, hasil lawatan Audit mendapati masih ada bahu jalan yang rosak dan berlubang serta longkang dan bahu jalan yang tidak disenggarakan seperti di **Gambar 2.6** hingga **Gambar 2.10**.



Gambar 2.6
Bahu Jalan Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Bertam Indah,

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tarikh: 15 Mei 2013

Gambar 2.7
Bahu Jalan Rosak Dan Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Inderawasih,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 16 Mei 2013

Gambar 2.8
**Longkang Tidak Disenggarakan
Dan Dipenuhi Rumput**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tasek Simpang Ampat,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 4 April 2013

Gambar 2.9
**Longkang Tidak Disenggara Dan
Dipenuhi Rumput**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Badak Mati,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 10 April 2013

Gambar 2.10
Bahu Jalan Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan IKS Simpang Ampat,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 3 April 2013

2.4.1.5. Penyenggaraan Berkala

Penyenggaraan berkala meliputi kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan seperti menguatkan struktur *pavement* jalan, membaiki dan menurap semula jalan sedia ada, mengganti perabot jalan dan longkang serta mengecat semula garisan jalan. Bagi tempoh 2010 hingga 2012 Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya telah melaksanakan masing-masing 55 kerja penyenggaraan berkala berjumlah RM6.86 juta dan 182 penyenggaraan berkala berjumlah RM12.89 juta. Manakala sejumlah RM34.96 juta untuk 3,381 kerja penyenggaraan biasa telah dijalankan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.

a. Membaih Pulih Dan Menurap Semula Permukaan Jalan

Berdasarkan *Highway Maintenance Manual* permukaan jalan perlu disenggara dan diganti dengan permukaan baru (*resurfacing*) setiap 5 hingga 10 tahun sekali bagi menampung unjuran beban trafik di jalan tersebut. Selain itu, berdasarkan Buku Panduan "Senggara Jalan - Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu", penyenggaraan jalan hendaklah meliputi pemeriksaan dan penilaian secara berkala ke atas struktur *pavement* sedia ada dalam menampung unjuran beban trafik bagi menentukan kaedah pembaihan yang sesuai. Penyenggaraan yang dijalankan adalah bagi memastikan permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya telah membelanjakan sejumlah masing-masing RM6.08 juta bagi 47 kerja menurap jalan dan RM8.49 juta bagi 50 kerja menurap semula jalan. Manakala sejumlah RM17.17 juta telah dibelanjakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi 425 kerja menurap jalan. Bagaimanapun, jumlah sebenar kerja menurap jalan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak dapat ditentukan kerana pelaksanaan kerja tidak diperincikan. Hasil lawatan Audit ke jalan di kawasan senggaraan Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada bulan April, Mei dan Jun 2013 mendapati masih ada permukaan jalan yang rosak tetapi belum dibaiki dan jalan tersebut tidak termasuk dalam program penyenggaraan berkala bagi ketiga-tiga agensi pelaksana seperti di **Gambar 2.11** hingga **Gambar 2.17**.

Gambar 2.11
Permukaan Jalan Retak/Patah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sg. Udang,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 April 2013

Gambar 2.12
Delimitation Pada Permukaan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Ladang Byram Menuju Pulau
Burung, Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 April 2013

Gambar 2.13
Delimination Pada Permukaan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Guar Perahu,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 15 Mei 2013

Gambar 2.14
Slipage Pada Permukaan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sg. Chenaam,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 April 2013

Gambar 2.15
Bleeding Pada Permukaan Jalan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sg Rusa,
Daerah Barat Daya
Tarikh: 6 Jun 2013

Gambar 2.16
Potholes Pada Permukaan Lorong Belakang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pauh,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 15 Mei 2013



Gambar 2.17
Ravelling Pada Permukaan Jalan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Seri Rambai,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 16 Mei 2013

b. Memperbaiki/Mengganti Perabot Jalan Yang Rosak

Semua perabot jalan seperti papan tanda jalan, papan tanda *chevron*, *kilometer post*, *guardrail* dan *delineator post* hendaklah sentiasa dalam keadaan baik bagi

memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin. Bagi tempoh 2010 hingga 2012 Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya telah membelanjakan sejumlah masing-masing RM0.25 juta bagi 4 kerja mengganti/memasang perabot jalan dan RM1.57 juta bagi 17 kerja memperbaiki dan mengganti perabot jalan yang rosak. Manakala sejumlah RM0.42 juta telah dibelanjakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi 19 kerja yang sama. Bagaimanapun, hasil lawatan Audit mendapati masih ada perabot jalan yang telah rosak tetapi tidak dibaiki dengan sewajarnya seperti di **Gambar 2.18** hingga **Gambar 2.23**.

Gambar 2.18
Reflector Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Lima Kongsi,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 April 2013

Gambar 2.19
Guardrail Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Lima Kongsi,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 10 April 2013

Gambar 2.20

Delineator Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jawi Golf,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 4 April 2013

Gambar 2.21

Delineator Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Paya Kemian,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 4 April 2013

Gambar 2.22
Papan Tanda Amaran Berhenti Tumbang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kalui,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 16 Mei 2013

Gambar 2.23
Guardrail Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sembilang,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 16 Mei 2013

- c. **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 27 September 2013, pelaksanaan kerja Agensi pelaksana yang terlibat tidak dapat mengikut perancangan disebabkan agensi pelaksana terpaksa mengambil kira faktor lain seperti keperluan semasa, aduan daripada orang awam dan permohonan daripada pemimpin masyarakat. Bagaimanapun, Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menjalankan pembaikan segera terhadap kerosakan jalan/perabot jalan dan pembersihan longkang serta bahu jalan seperti yang dibangkitkan.**

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan biasa dan berkala yang dijalankan adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat jalan dan perabot jalan yang rosak belum dibaiki dan tidak dimasukkan dalam program penyenggaraan Jabatan/Agensi. Keadaan *potholes* pada turapan yang dibiarkan tanpa pembaikan boleh menyebabkan kerosakan menjadi bertambah serius dan membahayakan pengguna.

2.4.1.6. Kualiti Kerja Penyenggaraan Jalan Kurang Memuaskan

- a. Kerja penyenggaraan jalan hendaklah dijalankan dengan sempurna dan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan. Agensi pelaksana bertanggungjawab untuk memantau kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh pihak kontraktor. Lawatan Audit telah dijalankan ke 10 lokasi kerja penyenggaraan biasa, 20 lokasi kerja penyenggaraan berkala dan 5 lokasi penyenggaraan kecemasan di kawasan senggaraan Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang menggunakan wang peruntukan MARRIS pada bulan April, Mei dan Jun 2013. Hasil lawatan mendapati 9 daripada penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan dengan sempurna dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Antara penyenggaraan berkala yang tidak dilaksanakan dengan memuaskan adalah seperti berikut:

i. Kerja Membuat Pulih Dan Membaharui Muka Jalan (Resurface)

- Kerja membaik pulih dan membaharui muka jalan melibatkan kerja membekal, memadat dan merata ACBC/concrete pavement mengikut piawaian yang telah dibenarkan oleh Pegawai Penguasa dan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam *Bill Of Quantities* (BQ). Kontraktor bertanggungjawab untuk menjalankan ujian *Marshal* dan *Bitumen Content* terhadap *premix* dan ujian *coring* terhadap permukaan jalan yang telah siap. Berdasarkan Buku Panduan “Senggara Jalan Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu”, bahu jalan hendaklah searas dengan turapan jalan dan tidak melebihi 10 mm seperti yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2010 hingga 2012 sebanyak 522 kerja membaharui muka jalan berjumlah RM31.74 juta telah dijalankan oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai.
- Lawatan Audit ke projek membaharui muka jalan di Jalan Valdor Sungai yang disenggarakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan berjumlah RM199,997 pada bulan April 2013 mendapati kerja yang dijalankan adalah kurang memuaskan kerana bahu jalan selepas diturap bertebing tinggi setinggi 70 mm. Kerja yang dijalankan juga tidak mengikut spesifikasi di mana kontraktor tidak membuat garisan *edge line* sedangkan kerja tersebut telah ditetapkan dalam BQ dan bayaran sejumlah RM1,608 bagi kerja tersebut telah dibuat. Selain itu, kerja mengecat *centre line* tidak dimasukkan dalam BQ walaupun jalan tersebut merupakan laluan utama kenderaan berat bagi projek kerja tanah di kawasan Batu Kawan. Keadaan Jalan Valdor Sungai yang dilawati adalah seperti **Gambar 2.24** hingga **Gambar 2.26**.

Gambar 2.24


Keadaan Jalan Valdor Sungai Selepas Di
Baharu Muka Bertebing Tinggi Dan Tidak
Mempunyai *Centre Line* Dan
Edge Line



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Valdor Sungai,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 3 April 2013

Gambar 2.25

Keadaan Jalan Valdor Sungai Selepas Di
Baharu Muka Bertebing Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Valdor Sungai,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 3 April 2013



Gambar 2.26
Keadaan Trafik Di Jalan Valdor Sungai Yang Baru Di Baharu Muka

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Valdor Sungai,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 3 April 2013

- **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 27 September 2013, kerja mengecat jalan hanya dilakukan pada turapan daripada jenis premix, manakala kerja mengecat garisan jalan pada turapan jenis concrete pavement tidak dapat dibuat disebabkan peruntukan yang terhad.**
- Lawatan Audit ke projek membaharui muka jalan di Jalan Pengkalan Batu Kawan yang disenggara oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan berjumlah RM199,995 pada Mac 2013 mendapati kerja yang dijalankan adalah kurang memuaskan kerana bahu jalan selepas diturap bertebing tinggi setinggi 145 mm. Semakan terhadap laporan ujian coring mendapati 7 daripada 17 sampel coring tidak mengikut ketebalan yang ditetapkan dalam BQ iaitu 125 mm. Bagaimanapun, sewaktu lawatan Audit dijalankan kerja masih di peringkat pelaksanaan dan kontraktor telah menurap semula permukaan jalan tersebut dan laporan ujian coring kedua menunjukkan permukaan turapan telah mengikut ketebalan yang ditetapkan. Keadaan Jalan Pengkalan Batu Kawan yang dilawati adalah seperti Gambar 2.27.

Gambar 2.27
Keadaan Bahu Jalan Bertebing Tinggi Selepas Jalan Di Baharu Muka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pengkalan Batu Kawan,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 3 April 2013

- Lawatan Audit ke projek membaharu muka jalan di Jalan Lebuh Kurau 5 di bawah senggaraan MPSP berjumlah RM14,640 pada Mei 2013 mendapati kerja yang dijalankan adalah kurang memuaskan kerana lebar sebenar jalan yang diturap adalah 2.2 meter berbanding 3.1 meter mengikut BQ. Selain itu, jalan yang baru diturap telah ditakungi air dan boleh menyebabkan turapan jalan rosak. Keadaan jalan di Lebuh Kurau 5 yang dilawati adalah seperti di **Gambar 2.28** dan **Gambar 2.29**.

Gambar 2.28
Lebar Jalan Yang Diturap Tidak Mengikut BQ



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lebuh Kurau 5,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 8 Mei 2013



Gambar 2.29
Air Bertakung Di Bahu Jalan Yang Baru Diturap

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lebuh Kurau 5,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 8 Mei 2013

- **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 27 September 2013, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai memaklumkan takungan air di Lebuh Kurau 5 yang baru diturap adalah berpunca daripada saliran kedai makan bersebelahan. Permukaan jalan yang ditakungi air secara berterusan telah menyebabkan kerosakan dan mendapan jalan. Surat amaran telah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada pemilik premis terbabit pada 15 Ogos 2013 supaya mengalihkan aliran air cucian bagi mengelakkan berlakunya kerosakan pada jalan.**

ii. Kerja Pembaikan Dan Mengganti Longkang Konkrit

- Kerja menyenggara dan membaiki longkang/saliran dijalankan bagi memastikan struktur longkang sedia ada di sesuatu kawasan tidak rosak, retak dan mampu mengalirkan aliran air bagi mengelak air melimpah ke bahagian jalan. Kerja penyenggaraan hendaklah dijalankan dengan sempurna dan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan. Bagi tempoh 2010 hingga 2012 sebanyak 275 kerja penyenggaraan dan pembaikan longkang di tepi jalan negeri/jalan dalam taman yang berjumlah RM8.49 juta telah dijalankan oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai.
- Lawatan Audit ke projek menaik taraf dan mengganti longkang konkrit di Jalan Permatang Tok Mahat yang disenggara oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, berjumlah RM101,255 pada April 2013 mendapati kerja pemasangan *u-drain* yang dijalankan adalah kurang memuaskan di mana terdapat regangan antara penyambung setiap *u-drain*. Mortar yang diletakkan pada penyambung *u-drain* juga tidak dipasang dengan kemas dan tanah merah yang diletakkan di tebing *u-drain* tidak dipadatkan dengan sempurna sehingga menyebabkan berlaku penganjakan struktur *u-drain* seperti di **Gambar 2.30** hingga **Gambar 2.32**. Selain itu, tanah yang tidak dimampatkan dengan padat dan kesan regangan boleh menyebabkan berlakunya mendapan tanah dan menjelaskan struktur *u-drain*.

Gambar 2.30

Tanah Merah Di Tebing *U-Drain* Tidak Dipadatkan Dengan Sempurna Menyebabkan Berlaku Penganjakan Pada Struktur *U-Drain*



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Permatang Tok Mahat,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 8 April 2013

Gambar 2.31
Mortar Yang Diletak Di Penyambung U-Drain Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Permatang Tok Mahat,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 8 April 2013

Gambar 2.32
Berlaku Renggangan Pada Penyambung U-Drain



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Permatang Tok Mahat,
Daerah Seberang Perai Selatan
Tarikh: 8 April 2013

- Lawatan Audit ke projek menaik taraf perparitan di Jalan Bund, Batu Maung yang disenggarakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya berjumlah RM184,560 pada Jun 2013 mendapati kerja membina parit tuang *in-situ* tidak memuaskan kerana cerucuk besi BRC yang diletakkan pada binaan parit konkrit tidak dikemaskan dengan sewajarnya dan tanah di tebing tidak dipadatkan dengan sempurna seperti di **Gambar 2.33**. Selain itu, sisa binaan juga tidak dibersihkan dan dilonggokkan di tapak bina walaupun sejumlah RM1,293 telah dibayar kepada kontraktor bagi kerja pembersihan tersebut. Longgokan sisa binaan adalah seperti **Gambar 2.34**.

Gambar 2.33
Cerucuk Besi BRC Pada Parit Konkrit Dibiarkan Tanpa Dikemaskan Dan Tanah Di Tebing Tidak Dipadatkan Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bund, Batu Maung,
Daerah Barat Daya
Tarikh: 5 Jun 2013



Gambar 2.34
Sisa Binaan Dilonggokkan Di Tapak Bina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Bund, Batu Maung,
Daerah Barat Daya
Tarikh: 5 Jun 2013

- **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 27 September 2013, mengikut penilaian Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya projek tersebut telah disiapkan dengan memuaskan pada Disember 2012. Cerucuk besi yang dimaksudkan adalah merupakan *starterbars* yang kebiasaannya dibengkokkan dan ditinggalkan untuk kerja meninggikan longkang dan keperluan pada masa akan datang. Manakala sisa binaan yang dilonggokkan bukan merupakan sisa binaan kontraktor terlibat. Bagaimanapun, kontraktor telah membersihkan kawasan tersebut.**
- Lawatan Audit ke projek mengganti paip scupper sedia ada di Taman Kota Permai yang disenggarakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai berjumlah RM20,000 pada Mei 2013 mendapati kerja yang dijalankan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam BQ. Berdasarkan perkiraan di tapak, jumlah jarak sebenar paip scupper adalah 27.7 meter berbanding jarak dalam BQ iaitu 31.2 meter seperti di **Gambar 2.35**. Selain itu, penutup paip scupper juga tidak dipasang rapat sehingga boleh membahayakan pejalan kaki seperti **Gambar 2.36**.



Gambar 2.35
Jarak Paip Scupper Tidak Mengikut BQ

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kota Permai,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 8 Mei 2013



Gambar 2.36
Penutup Paip Scupper Tidak Rapat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kota Permai,
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Tarikh: 8 Mei 2013

- Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 27 September 2013, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai mengakui terdapat beberapa penutup paip scupper yang tidak dipasang rapat. Bagaimanapun, tindakan menggantikan penutup paip scupper tersebut telah dibuat pada 17 Jun 2013.
- b. Pemantauan yang lemah di peringkat Pegawai Penguasa iaitu Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menyebabkan kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor tidak dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Kesannya, kerja-kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan tanpa mengikut spesifikasi boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya. Selain itu, objektif sesuatu projek yang dijalankan tidak tercapai. Kerajaan Negeri juga akan mengalami kerugian sekiranya kerja pembaikan/penyenggaraan terpaksa dilaksanakan semula.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan kerja penyenggaraan oleh kontraktor adalah tidak memuaskan kerana kerja yang dijalankan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan disebabkan kurangnya pemantauan oleh agensi pelaksana sebagai Pegawai Penguasa projek.

2.4.2. Rekod MARRIS Tidak Dikemas Kini

2.4.2.1. Sistem MARRIS digunakan bagi tujuan merekodkan data-data jalan raya di seluruh negeri merangkumi Jalan Raya Negeri, Jalan Raya Perbandaran, Jalan Kawasan Perumahan Murah, Lorong Belakang dan Jalan Pertanian.

2.4.2.2. Sehingga bulan Disember 2012, jumlah panjang jalan negeri di seluruh Pulau Pinang yang didaftarkan dalam sistem MARRIS adalah 2,750.49 km yang meliputi 2,008.52 km disenggarakan oleh JKR manakala 741.97 km disenggarakan oleh PBT. Semakan Audit mendapati jalan dan lorong bagi 277 taman di Seberang Perai belum direkodkan dalam sistem MARRIS.

2.4.2.3. Ini kerana rekod MARRIS masih belum dikemas kini sepenuhnya. Kegagalan mendaftarkan maklumat jalan dalam sistem MARRIS boleh menyebabkan Kerajaan Negeri tidak menerima sepenuhnya pemberian penyenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan.

2.4.2.4. Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 27 September 2013, proses mengemaskini rekod pendaftaran jalan dalam sistem MARRIS dibuat secara *online* dan secara berterusan. JKR dan Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang dalam proses mengemaskini data nama dan panjang jalan negeri dan jalan dalam taman perumahan di seluruh negeri Pulau Pinang.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod MARRIS adalah kurang memuaskan kerana terdapat jalan negeri dan jalan dalam taman yang disenggarakan oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai belum didaftarkan dalam sistem MARRIS.

2.4.3. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah MARRIS Tidak Memuaskan

2.4.3.1. Kriteria Pengagihan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Kepada Agensi Pelaksana Tidak Ditetapkan

- a. Berdasarkan amalan terbaik, setiap permohonan peruntukan mestilah disokong dengan justifikasi perbelanjaan bagi projek yang akan dijalankan untuk memastikan peruntukan digunakan bagi tujuan yang dibenarkan. Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan menyatakan setiap negeri akan menerima pemberian khusus untuk tujuan penyenggaraan jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam sistem MARRIS.
- b. Semakan Audit mendapati, pengagihan yang dibuat kepada agensi pelaksana adalah mengikut jumlah agihan pada tahun-tahun sebelumnya tanpa mengambil kira panjang jalan atau justifikasi projek yang akan dijalankan. Ini kerana kriteria agihan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan kepada agensi pelaksana tidak ditetapkan dalam Arahan Amanah. Ini menyukarkan agensi pelaksana untuk membuat perancangan penyenggaraan jalan bagi tahun tersebut.
- c. Mulai tahun 2013, pengagihan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan telah diambil alih oleh Jabatan Kewangan Negeri (JKN) bagi tujuan pemantauan. Berdasarkan maklum balas daripada JKN, pengagihan kepada agensi pelaksana akan dibuat berdasarkan justifikasi projek yang akan dijalankan. Bagaimanapun, sehingga bulan April 2013, tiada sebarang pengagihan dibuat kerana JKN belum menerima permohonan daripada agensi pelaksana.
- d. **Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 27 September 2013, kriteria awal agihan kepada agensi pelaksana dibuat mengikut peratusan panjang jalan dengan mengambil kira semua agensi yang terlibat. Bagaimanapun, peratusan agihan ini tidak dikemas kini mengikut perubahan panjang jalan setiap kali agihan dibuat. Pada tahun 2013, agihan kepada agensi pelaksana dibuat berdasarkan justifikasi projek yang akan dijalankan dan YB Pegawai Kewangan Negeri akan membuat pemantauan ke atas semua perbelanjaan termasuk cara dan peratusan agihan.**

2.4.3.2. Pindaan Arahan Amanah Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Belum Dibuat

- a. Perenggan 4 Arahan Amanah menyatakan Akaun Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan hendaklah dikawal oleh Pengarah Kerja Raya Negeri sebagai Pegawai Pengawal atau seorang pegawai perakaunan di bawah kawalan pentadbirannya yang dilantik secara bertulis untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Pengawal Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan.
- b. Semakan Audit mendapati geran penyenggaraan jalan negeri yang diterima sehingga Februari 2013 berjumlah RM16.5 juta telah diuruskan oleh JKN. Manakala baki terhadap Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan bagi tahun 2012 berjumlah RM22.62 juta masih diuruskan oleh Pengarah Kerja Raya. Berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Dan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) Bil.2/2013, Pegawai Kewangan Negeri akan bertindak sebagai Pegawai Pengawal Akaun Amanah dan berkuasa untuk memutuskan setiap perbelanjaan dan agihan menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan pada bulan Jun 2013, masih tiada pindaan dibuat terhadap Arahan Amanah berhubung agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya sebagai Pegawai Pengawal.
- c. Ini kerana Jawatankuasa tersebut masih menunggu kelulusan Surat Ikatan Amanah bagi Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan daripada Kementerian Kewangan Malaysia yang kini masih di peringkat draf akhir. Kesannya, berlaku ketidakpatuhan terhadap Arahan Amanah dan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini, akauntabiliti bagi Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan adalah di bawah tanggungjawab JKR sedangkan pengurusannya telah diambil alih oleh JKN.

Pada pendapat Audit, pengurusan Kumpulan Wang Amanah Jalan Negeri Pulau Pinang perlu dipinda selaras dengan perubahan dan penambahbaikan yang dibuat.

2.4.4. Perjanjian Kontrak Lewat Ditandatangani

2.4.4.1. Surat Pekeling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995 menghendaki kontrak ditandatangani dan dimeterai dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima Tender ditandatangani.

2.4.4.2. MPSP telah melantik 7 kontraktor bagi menjalankan kerja penyenggaraan jalan di 7 Parlimen bagi kawasan Seberang Perai. Pelantikan kontraktor dibuat secara tender terbuka dan tempoh kontrak adalah selama 2 tahun. Semakan Audit terhadap perjanjian kontrak bagi 5 kontraktor yang dilantik oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi kerja-kerja penyenggaraan jalan mendapati tempoh perjanjian ditandatangani adalah

antara 7 hingga 10 bulan selepas surat setuju terima ditandatangani. Ini menyebabkan berlaku kelewatian menandatangani kontrak antara 3 hingga 6 bulan seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7

Tempoh Kelewatan Menandatangani Perjanjian Kontrak Bagi 5 Kontraktor Yang Dilantik Oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai Mengikut Parlimen

Parlimen	Tarikh Surat Setuju Terima Ditandatangani	Tarikh Perjanjian Kontrak Ditandatangani	Tempoh Masa Yang Diambil (Bulan)	Tempoh Kelewatan (Bulan)
Tasek Gelugor	21.9.2010	28.4.2011	7	3
Bagan	21.9.2010	28.4.2011	7	3
Permatang Pauh	22.9.2010	28.4.2011	7	3
Kepala Batas	22.9.2010	14.7.2011	10	6
Bukit Mertajam	23.9.2010	20.5.2011	8	4

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

2.4.4.3. Ini kerana pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai lewat menyediakan dokumen perjanjian kontrak. Kelewatan menyediakan dan menandatangani kontrak formal akan memberi risiko kepada kedua pihak di mana Majlis Perbandaran Seberang Perai dan kontraktor tidak boleh mengambil tindakan dari sudut undang-undang sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.

2.4.4.4. Berdasarkan maklum balas JKR bertarikh 27 September 2013, Majlis Perbandaran Seberang Perai memaklumkan bahawa perjanjian kontrak perlu melalui beberapa peringkat semakan oleh Jabatan Undang-undang Majlis Perbandaran Seberang Perai. Sehubungan itu, masa yang diperlukan bagi memastikan perjanjian tersebut lengkap adalah panjang. Mulai 17 Julai 2013 Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menggunakan standard format sebagai langkah penambahbaikan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak penyenggaraan jalan Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak memuaskan kerana perjanjian kontrak antara Majlis Perbandaran Seberang Perai dan kontraktor yang dilantik lewat ditandatangani.

2.4.5. Pengurusan Aduan Awam Kurang Memuaskan

2.4.5.1. Maklum Balas Lewat Dikemukakan

- a. Aduan berkaitan jalan meliputi kerosakan jalan, perabot jalan, parit/longkang, pokok tumbang, cerun dan tanah runtuh di atas jalan raya atau sebahagian daripadanya. Berdasarkan Piagam Pelanggan JKR dan Majlis Perbandaran Seberang Perai, maklum balas terhadap aduan perlu dikemukakan kepada pengadu masing-masing dalam tempoh 7 dan 10 hari selepas aduan diterima.
- b. Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya menerima aduan berkaitan kerosakan jalan sama ada melalui e-mel dan surat yang disalurkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat Ibu Pejabat JKR Pulau Pinang

atau melalui e-mel dan panggilan telefon secara terus daripada pengadu. Manakala aduan kerosakan jalan yang diterima oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai melalui e-mel, surat, telefon dan laman sosial akan direkodkan ke dalam Laman Sesawang Aduan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang diuruskan oleh Jabatan Kemasyarakatan. Aduan berkaitan kerosakan jalan/perabot jalan dan longkang akan disalurkan ke Jabatan Kejuruteraan untuk diambil tindakan.

- c. Bagi tempoh 2010 hingga Februari 2013, jumlah aduan yang diterima oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya masing-masing adalah sebanyak 308 dan 974 aduan. Semakan Audit mendapati maklum balas bagi 87 aduan di Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan 339 aduan di Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya lewat dikemukakan kepada pengadu iaitu melebihi 7 hari seperti yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan JKR. Manakala pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada maklum balas bagi 16 aduan di Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan 286 aduan di Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya telah dikemukakan kepada pengadu kerana daftar aduan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Butiran adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8

**Kelewatan Maklum Balas Aduan JKRSPS Dan JKRDDBD
Bagi Tempoh 2010 Hingga Februari 2013**

Agenzi Pelaksana	Bilangan Hari			Tiada Maklumat	Jumlah Aduan
	1 - 7	8 - 30	>30		
JKRSPS	205	76	11	16	308
JKRDDBD	349	329	10	286	974

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang

Nota: JKRSPS - Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan

JKRDDBD - Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya

MPSP - Majlis Perbandaran Seberang Perai

- d. Manakala jumlah aduan yang diterima oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 2,018 aduan. Semakan Audit terhadap rekod aduan di Majlis Perbandaran Seberang Perai mendapati sebanyak 319 aduan lewat diberi maklum balas iaitu melebihi 10 hari seperti yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan. Butiran adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9

Kelewatan Maklum Balas Aduan MPSP Bagi Tempoh 2010 Hingga Februari 2013

Agenzi Pelaksana	Bilangan Hari			Tiada Maklumat	Jumlah Aduan
	1 - 10	11 - 30	>30		
MPSP	1,698	264	55	1	2,018

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

- e. Kelewatan mengemukakan maklum balas oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya adalah kerana daftar aduan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Manakala bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, kelewatan adalah kerana hanya seorang pegawai sahaja yang bertanggungjawab menguruskan aduan yang diterima di Bahagian

Kejuruteraan. Selain itu, kurangnya pemantauan di peringkat atasan juga menyumbang kepada kelemahan pengurusan maklum balas aduan awam. Kesannya, Piagam Pelanggan tidak dipatuhi dan keberkesanan kerja penyenggaraan berasaskan aduan sukar untuk dinilai serta imej agensi pelaksana akan terjejas.

2.4.5.2. Tindakan Penyelesaian Terhadap Aduan Pengguna

- a. Berdasarkan Piagam Pelanggan JKR, sebarang aduan berhubung jalan berlubang, tanah runtuh dan pokok tumbang di atas jalan raya hendaklah diambil tindakan dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima. Manakala Piagam Pelanggan Majlis Perbandaran Seberang Perai menetapkan kerja-kerja menampal jalan untuk aduan jalan berlubang hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 3 hari selepas aduan diterima. Selain itu, aduan kerosakan lain yang diterima perlulah diambil tindakan segera bagi mengelak kerosakan bertambah teruk.
- b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2010 sehingga Februari 2013, Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima masing-masing 308,974 dan 2,018 aduan yang melibatkan kerosakan jalan, perabot jalan, parit dan longkang, cerun/tebing runtuh dan pokok tumbang. Daripada jumlah tersebut pihak Audit mendapati 10 aduan di Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, 8 aduan di Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan 16 aduan di Majlis Perbandaran Seberang Perai belum diselesaikan kerana agensi pelaksana masih menunggu peruntukan. Manakala 31 aduan di Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan 499 aduan di Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya tidak dapat disahkan status sama ada telah selesai atau pun tidak kerana maklumat berkaitan tindakan penyelesaian tidak direkodkan. Butiran adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10

Tindakan Penyelesaian Terhadap Aduan Yang Diterima Di JKRSPS, JKRDDB Dan MPSP Bagi Tempoh 2010 Hingga Februari 2013

Agensi Pelaksana	Status Aduan			Jumlah Aduan Diterima
	Selesai	Belum Selesai	Tidak Dapat Disahkan	
JKRSPS	267	10	31	308
JKRDDB	467	8	499	974
MPSP	2,002	16	-	2,018

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai

Nota: JKRSPS - Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan

JKRDDB - Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya

MPSP - Majlis Perbandaran Seberang Perai

- c. Sebanyak 78 daripada 308 aduan di Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan dan 76 daripada 974 aduan di Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya merupakan aduan kecemasan yang meliputi jalan berlubang, tanah runtuh dan pokok

tumbang yang perlu diselesaikan dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima. Manakala, sejumlah 547 daripada 2,018 aduan yang diterima oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai merupakan aduan berkaitan jalan berlubang dan perlu diselesaikan dalam tempoh 3 hari mengikut Piagam Pelanggan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati ada aduan yang tidak diselesaikan mengikut Piagam Pelanggan yang ditetapkan. Selain itu, terdapat juga aduan yang tidak dapat disahkan status sama ada telah selesai atau sebaliknya seperti di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11

Tindakan Penyelesaian Terhadap Aduan Kecemasan Di JKRSPS, JKRDBD Dan MPSP Bagi Tempoh 2010 Hingga Februari 2013

Agenzia Pelaksana	Aduan	Selesai Ikut Piagam	Selesai Tidak Ikut Piagam	Tarikh Kerja Disediakan Tidak Dapat Disahkan	Jumlah Aduan Kecemasan
JKRSPS	Jalan Berlubang	28	6	16	50
	Tanah Runtuh	-	-	2	2
	Pokok Tumbang	26	-	-	26
JKRDBD	Jalan Berlubang	3	15	53	71
	Tanah Runtuh	-	-	1	1
	Pokok Tumbang	2	1	1	4
MPSP	Jalan Berlubang	-	-	547	547

Sumber: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai

Nota: JKRSPS - Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan

JKRDBD - Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya

MPSP - Majlis Perbandaran Seberang Perai

- d. Kelemahan pemantauan oleh agensi pelaksana telah menyebabkan kerja-kerja penyenggaraan tidak diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala rekod penyenggaraan yang tidak lengkap dan kemas kini menyebabkan status penyelesaian aduan kecemasan tidak dapat disahkan. Kesannya, Piagam Pelanggan agensi pelaksana tidak dipatuhi dan penilaian terhadap penyenggaraan kerja kecemasan yang telah dilaksanakan sukar dibuat.

Pada pendapat Audit, Pengurusan Aduan Awam adalah kurang memuaskan kerana status tindakan tidak dapat disahkan adalah tinggi berikutan penyelenggaraan rekod aduan yang tidak lengkap dan kemas kini. Kelewatan mengambil tindakan terhadap aduan kecemasan boleh menyebabkan kerosakan sedia ada menjadi lebih teruk dan seterusnya mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya.

2.4.6. Analisis Maklum Balas Kepuasan Pengguna Jalan Negeri

2.4.6.1. Maklum balas kepuasan pengguna jalan raya adalah penting untuk mendapatkan pandangan dan tahap kepuasan pengguna terhadap keselesaan dan keselamatan jalan negeri. Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 600 soal selidik kepada pengguna jalan negeri di bawah penyenggaraan Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Daripada jumlah tersebut sebanyak 442 soal selidik atau 73.7% telah

dikembalikan. Jumlah responden mengikut kawasan penyenggaraan agensi pelaksana adalah seperti di **Jadual 2.12**.

Jadual 2.12

Soal Selidik Yang Diedar Dan Dikembalikan

Bil.	Agenzi Pelaksana	Soal Selidik		Peratus (%)
		Jumlah Yang Di Edar	Jumlah Yang Dikembalikan	
1.	JKRSPS	200	160	80
2.	JKRDBD	200	157	78.5
3.	MPSP	200	125	62.5
Jumlah		600	442	73.7

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: JKRSPS - Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan


JKRDBD - Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya

MPSP - Majlis Perbandaran Seberang Perai

2.4.6.2. Analisis Audit terhadap maklum balas yang diterima mendapat 273 responden atau 61.8% berpendapat keadaan jalan negeri/taman yang disenggara oleh Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah tidak selesa manakala 169 responden atau 38.2% berpendapat sebaliknya. Sementara itu, daripada aspek keselamatan sebanyak 254 responden atau 57.5% berpendapat jalan negeri/taman yang disenggara oleh agensi pelaksana tidak selamat berbanding 188 responden atau 42.5% berpendapat jalan tersebut selamat digunakan. Analisis tahap kepuasan pengguna terhadap keselesaan dan keselamatan jalan negeri/taman mengikut agensi pelaksana adalah seperti di **Carta 2.1**.

Carta 2.1

Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Keselesaan Dan Keselamatan Jalan Negeri/Taman Mengikut Agenzi Pelaksana





Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: JKRSPS - Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan

JKRDBD - Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya


MPSP - Majlis Perbandaran Seberang Perai

2.4.6.3. Analisis Audit terhadap kepuasan pengguna jalan negeri/taman di bawah penyenggaraan Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai masing-masing mendapati punca utama jalan tidak selesa dan selamat adalah disebabkan jalan rosak dan berlubang, jalan sempit, jalan sesak dan kerap dinaiki air apabila hujan. Selain itu, keadaan lampu isyarat yang kerap rosak dan ketiadaan lampu isyarat merupakan faktor kedua tertinggi yang menyumbang kepada keadaan tidak selesa dan tidak selamat di jalan bawah penyenggaraan Pejabat Jurutera Daerah Seberang Perai Selatan. Manakala bagi jalan di bawah penyenggaraan Pejabat Jurutera Daerah Barat Daya dan Majlis Perbandaran Seberang Perai faktor kedua tertinggi adalah berpunca daripada keadaan simpang dan selekoh yang merbahaya seperti tiada papan tanda amaran kepada pengguna. Penjelasan lanjut adalah seperti di **Carta 2.2** hingga **Carta 2.4**.



Carta 2.4

Tahap Keselesaan Dan Keselamatan Pengguna Di Jalan Senggaraan MPSP



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: MPSP - Majlis Perbandaran Seberang Perai

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan program penyenggaraan jalan negeri di Pulau Pinang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan pengguna jalan raya mendapat perkhidmatan serta infrastruktur jalan yang terbaik, selesa dan selamat adalah disyorkan tindakan seperti berikut dilaksanakan:

- 2.5.1.** Jabatan Kerja Raya selaku Pegawai Pengawal Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan perlu meningkatkan pemantauan terhadap penggunaan wang amanah oleh agensi pelaksana supaya ia digunakan untuk tujuan yang dibenarkan serta mematuhi Jadual 10 Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.
- 2.5.2.** Menyediakan Daftar Penyenggaraan Jalan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan kerja penyenggaraan dapat dirancang dan dijalankan secara menyeluruh.
- 2.5.3.** Pemilihan jalan yang akan disenggarakan perlu mengambil kira aspek jangka hayat jalan, *pavement* dan struktur jalan.
- 2.5.4.** Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan kerja tersebut dilaksanakan dengan memuaskan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- 2.5.5.** Mengemas kini rekod dan data MARRIS bagi memastikan Kerajaan Negeri memperoleh geran penyenggaraan jalan negeri mengikut jumlah yang sepatutnya.
- 2.5.6.** Menyelenggarakan Daftar Aduan Awam dengan lengkap dan kemas kini bagi membolehkan maklum balas dikemukakan dan aduan awam dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

3. PDC PROPERTIES SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Penstrukturian semula Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pada tahun 2004 dan perubahan hala tuju sebagai sebuah *thinking organisation* telah menyebabkan aktiviti-aktiviti komersial diambil alih oleh anak-anak syarikat PDC dengan PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. sebagai syarikat pegangan utama PDC. PDC Properties Sdn. Bhd. (PDCP) pada mulanya dikenali sebagai Padova Corporation Sdn. Bhd. dan diperbadankan pada 7 Julai 1995. Pada 18 Mac 2004, nama Padova Corporation Sdn. Bhd. telah ditukarkan kepada PDC Properties Sdn. Bhd.. Modal dibenarkan adalah sebanyak RM50 juta iaitu pada kadar RM1 setiap saham dan modal dibayar adalah RM47 juta yang keseluruhannya dipegang oleh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd..

3.1.2 Visi Syarikat adalah untuk menjadi syarikat pembangunan harta tanah terulung yang dapat memenuhi keperluan setiap lapisan masyarakat. Misinya pula adalah untuk berusaha mencapai kejayaan projek dan keunggulan reka bentuk dalam pembangunan harta tanah dengan mengambil kira kehendak asas pengguna dan membawa industri pembangunan harta tanah di Pulau Pinang ke tahap yang lebih tinggi.

3.1.3. Aktiviti utama PDCP adalah pembangunan harta tanah yang merangkumi pembinaan rumah kos rendah sehingga kos tinggi, pembinaan pejabat, kedai, pusat membeli belah dan bangunan kelab.

3.1.4. PDCP sebagai sebuah syarikat sendirian berhad dan pemaju perumahan adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Akta Pemaju Perumahan 1966 dan Memorandum Dan Artikel Syarikat. Sebagai sebuah syarikat Agensi Kerajaan Negeri, PDCP juga tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dan Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

3.1.5. Lembaga Pengarah PDCP dipengerusikan oleh Pengurus Besar PDC dan dianggotai oleh 4 ahli yang juga merupakan pegawai PDC. Pengurusan Syarikat diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 39 orang kakitangan.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai prestasi kewangan Syarikat, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan yang telah dilaksanakan adalah teratur dan mencapai objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.3.1. Skop pengauditan meliputi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2010 hingga 2012. Analisis kewangan bagi tempoh tiga tahun dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2009 hingga 2011. Analisis penyata kewangan tahun 2012 tidak dapat dijalankan kerana pada tarikh pengauditan penyata kewangan tahun 2012 belum diaudit. Pengauditan ini dijalankan di Pejabat PDCP, PDC dan Pejabat PDC Premier Holdings Sdn. Bhd..

3.3.2. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum Dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Syarikat, fail, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan syarikat. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai syarikat dan Perbadanan yang bertanggungjawab serta Setiausaha Syarikat. Lawatan tapak juga dibuat ke tiga kawasan projek yang dipilih iaitu projek perumahan D'Residence (Bayan Baru), Halaman Kenanga dan Ixora Heights (Sungai Nibong).

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan PDCP adalah memuaskan kerana memperoleh keuntungan sebelum cukai dan peningkatan dalam keuntungan terkumpul. Dari segi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- PDCP terpaksa membayar RM320,544.41 sebagai bayaran pampasan kepada 104 pembeli kerana lewat memperoleh Sijil Layak Menduduki menyebabkan kegagalan PDCP menyerahkan *vacant possession* kepada pembeli dalam tempoh ditetapkan.
- PDCP berhadapan tuntutan saman oleh pembeli tanah plot D'Residence III dengan kos guaman ditanggung oleh PDCP berjumlah RM21,478. Kes masih dalam perbicaraan.
- PDCP tidak membuat bayaran dividen bagi tahun 2011 walaupun Syarikat memperoleh keuntungan selepas cukai.

3.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menentukan prestasi kewangan Syarikat, analisis trend dan analisis nisbah telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbang dan Penyata Pendapatan bagi tempoh 2009 hingga 2011. Hasil analisis kewangan adalah seperti berikut:

3.4.1.1. Analisis Trend


Kedudukan Trend Untung Bersih serta Trend Pendapatan dan Perbelanjaan PDCP bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.1**, **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

Jadual 3.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan Operasi	176,641,930	79,206,252	124,992,954
Pendapatan Lain	1,453,916	852,122	622,400
Jumlah Pendapatan	178,095,846	80,058,374	125,615,354
Perbelanjaan Operasi	155,981,584	72,661,955	120,881,202
Perbelanjaan Pentadbiran	4,273,653	5,315,348	2,724,348
Perbelanjaan Kewangan	65,088	223,264	13,544
Jumlah Perbelanjaan	160,320,325	78,200,567	123,619,094
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	17,775,521	1,857,807	1,996,260
Cukai	4,225,654	30,807	510,855
Untung/(Rugi) Bersih	13,549,867	1,827,000	1,485,405
Keuntungan Terkumpul	14,806,421	14,285,421	15,768,826


Sumber: Penyata Kewangan PDCP

Carta 3.1
Trend Untung Bersih Bagi Tahun 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan PDCP

Carta 3.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan PDCP

- a. Analisis Trend Untung Bersih PDCP menunjukkan Syarikat mengalami penurunan keuntungan bersih yang drastik iaitu daripada RM13.55 juta pada tahun 2009 kepada RM1.83 juta pada tahun 2010. Manakala pada tahun 2011 keuntungan bersih Syarikat menurun kepada RM1.49 juta berbanding tahun 2010. Bagaimanapun, keuntungan terkumpul PDCP pada tahun 2011 adalah berjumlah RM15.77 juta yang semakin meningkat menyebabkan ekuiti pemilik turut meningkat. Peningkatan keuntungan adalah disebabkan peningkatan hasil projek.

- b. Pendapatan Syarikat turut mengalami penurunan daripada RM178.10 juta pada tahun 2009 kepada RM80.06 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun pendapatan Syarikat pada tahun 2011 kembali meningkat menjadi RM125.62 juta. Pertambahan pendapatan adalah berpunca daripada terimaan hasil bayaran bagi 3 projek perumahan iaitu Pinggiran Damai, D'Residence III dan Intan Delima.
- c. Analisis Audit terhadap trend perbelanjaan PDCP mendapati, berlaku penurunan iaitu daripada RM160.32 juta pada tahun 2009 menjadi RM78.20 juta pada tahun 2010 iaitu menurun sebanyak 51.2%. Namun pada tahun 2011, perbelanjaan PDCP kembali meningkat sebanyak 58.1% kepada RM123.62 juta. Peningkatan ketara pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh perbelanjaan operasi yang meningkat bagi 6 projek baru iaitu Pinggiran Damai, D'Residence III, Intan Delima, Tanjung Impian, Halaman Tanjung dan Intan Cempaka.

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Analisis nisbah kewangan bagi tempoh 3 tahun telah dijalankan ke atas Penyata Kewangan PDCP bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Analisis telah dijalankan untuk menilai tahap risiko, kekuahan dan kecairan kewangan, nilai tambah keuntungan dan pulangan yang diperoleh oleh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. sebagai syarikat induk bagi pihak PDCP. Analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Analisis Nisbah Kewangan PDCP Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	2.55:1	4.31:1	1.73:1
Margin Keuntungan	7.6%	2.3%	1.2%
Nisbah Pulangan Atas Aset	0.10:1	0.02:1	0.01:1
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	0.22:1	0.03:1	0.02:1

Sumber: Penyata Kewangan PDCP Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya beroperasi secara berterusan. Pada tahun 2009 dan 2010 kadar nisbah adalah di peringkat memuaskan di mana kadar nisbah adalah lebih daripada 2. Ini menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan mampu menanggung hutangnya. Bagaimanapun, nisbah semasa Syarikat telah menurun kepada 1.73:1 pada tahun 2011. Penurunan ini adalah disebabkan jumlah tanggungan PDCP yang semakin meningkat. Analisis Audit terhadap nisbah semasa PDCP bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3**Nisbah Semasa Bagi Tahun Kewangan Berakhir 2009 Hingga 2011**

Tahun	Aset Semasa (RM Juta) / (a)	Liabiliti Semasa (RM Juta) / (b)	Nisbah Semasa (a/b)
2009	139.11	54.53	2.55
2010	102.18	23.71	4.31
2011	189.76	109.89	1.73

Sumber: Penyata Kewangan PDCP Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Margin keuntungan adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap Ringgit hasil yang dikutip. Peningkatan margin menunjukkan kecekapan syarikat di mana setiap kenaikan hasil memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin keuntungan PDCP adalah di bawah paras rendah kerana PDCP mengalami penurunan daripada 7.6% pada tahun 2009 kepada 2.3% pada tahun 2010 dan terus menurun sebanyak 1.1% menjadi 1.2% pada tahun 2011. Kedudukan margin keuntungan bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4**Margin Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 2009 Hingga 2011**

Tahun	Untung Selepas Cukai (RM Juta) / (a)	Jumlah Pendapatan (RM Juta) / (b)	Peratusan Margin Keuntungan (a/b)*100
2009	13.55	178.10	7.6%
2010	1.83	80.06	2.3%
2011	1.49	125.62	1.2%

Sumber: Penyata Kewangan PDCP Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan selepas cukai yang diperoleh bagi setiap ringgit aset digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2009 hingga 2011, kadar pulangan atas aset yang diperoleh adalah semakin menurun kepada RM0.02 pada tahun 2010 berbanding RM0.10 pada tahun 2009 dan terus menurun kepada RM0.01 pada tahun 2011 seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5**Nisbah Pulangan Atas Aset Bagi Tahun Kewangan Berakhir 2009 Hingga 2011**

Tahun	Untung Selepas Cukai (RM Juta) / (a)	Jumlah Aset (RM Juta) / (b)	Nisbah Pulangan Atas Aset (a/b)
2009	13.55	139.43	0.10:1
2010	1.83	102.30	0.02:1
2011	1.49	189.93	0.01:1

Sumber: Penyata Kewangan PDCP Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan untuk mengukur pulangan modal syarikat yang dilaburkan oleh pemegang saham. Semakin tinggi kadar peratusan yang diperoleh semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis mendapati kadar pulangan atas ekuiti pada tahun 2010 telah menurun kepada RM0.03 berbanding dengan RM0.22 pada tahun 2009 dan semakin menurun kepada RM0.02 pada tahun 2011 seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6**Pulangan Atas Ekuiti Bagi Tahun Kewangan Berakhir 2009 Hingga 2011**

Tahun	Untung Selepas Cukai (RM Juta) / (a)	Jumlah Ekuiti (RM Juta) / (b)	Nisbah Pulangan Atas Ekuiti (a/b)
2009	13.55	61.81	0.22:1
2010	1.83	61.28	0.03:1
2011	1.49	62.77	0.02:1

Sumber: Penyata Kewangan PDCP Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

3.4.1.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Jun 2013, penurunan nisbah berlaku adalah disebabkan perkara berikut:

- a. Terdapat peningkatan pada jumlah terutang kepada PDC. Jumlah tersebut adalah kos tanah yang telah diakrukan sepenuhnya setelah Perjanjian Bersama Pembangunan (JDA) dimeterai oleh kedua-dua belah pihak. Jumlah yang telah diakru adalah sejumlah RM70 juta. Sebelum ini, kos tanah hanya direkodkan apabila pembayaran secara berperingkat dibuat oleh PDCP kepada PDC.
- b. Penurunan bilangan projek yang dilaksanakan oleh PDCP di mana terdapat dua (2) projek yang telah dikenal pasti untuk pelaksanaan namun telah dibatalkan selaras dengan perubahan hala tuju pembangunan PDC. Pada masa yang sama juga, PDCP telah melaksanakan projek perumahan kos rendah dan sederhana rendah iaitu Halaman Kenanga di Sungai Nibong dan Halaman Seroja di Batu Kawan. Kedua-dua projek ini merupakan projek yang mencatatkan kerugian kepada Syarikat bagi tempoh tersebut. Faktor ini menyebabkan keuntungan Syarikat berkurangan dari tahun 2010 sehingga tahun 2012.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan PDCP adalah memuaskan kerana memperoleh keuntungan 3 tahun berturut-turut walaupun dengan trend yang menurun di samping keuntungan terkumpul yang masih kukuh.

3.4.1.4. Pengurusan Aktiviti

PDC Properties Sdn. Bhd. (PDCP) ditubuhkan sebagai syarikat pemaju harta tanah utama PDC. PDCP bertanggungjawab dalam pembinaan harta tanah perumahan dan komersial dengan memberi penekanan kepada rumah mampu milik. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, PDCP telah dapat membuat penjualan ke atas projek pembinaan iaitu perumahan dan komersial. Selain itu, penjualan tanah plot juga ada dibuat iaitu melalui projek Dedaun Fasa 1 dan Bayan Mutiara (D'Residence III). Peratusan jualan sehingga tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Prestasi Jualan Keseluruhan Sehingga Tahun 2012

Bil.	Nama Projek	Jenis Binaan	Jumlah Keseluruhan (Unit)	Jumlah Jualan (Unit)	Prestasi Jualan (%)
1.	Intan Cempaka	Rumah Teres Setingkat	295	295	100
2.	Ixora Height	<i>Apartment</i>	148	148	100
3.	Villa Tanjung Permai	Rumah Teres dan Rumah Berkembar	194	194	100
4.	Dedaun Fasa I	Banglo Tanah Plot	58 118	58 117	100 99.2
5.	Teratai Idaman	Rumah Teres 2 Tingkat	70	70	100
6.	Intan Delima	Rumah Teres Setingkat	180	179	99.4
7.	Halaman Kenanga	Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah	720	715	99.3
8.	Halaman Seroja	Rumah Teres 2 Tingkat	195	191	97.9
9.	D'Residence I	Banglo	113	113	100
10.	D'Residence II	Banglo	50	50	100
11.	D'Residence III	Tanah Plot	5	5	100
12.	Pinggiran Damai	Rumah Teres 2 Tingkat	25	25	100
13.	Lot 28	Lot Kedai	6	6	100
14.	Quartermile	Lot Kedai	15	9	60

Sumber: Rekod PDCP

3.4.1.5. Prestasi Jualan Berbanding KPI

PDCP telah menetapkan KPI jualan setiap tahun untuk setiap projek pembinaan yang telah dilancarkan. Prestasi jualan berbanding KPI bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Prestasi Jualan Berbanding KPI Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Projek	Tahun						Catatan	
		2010 (RM Juta)		2011 (RM Juta)		2012 (RM Juta)			
		KPI	Sebenar	KPI	Sebenar	KPI	Sebenar		
1.	Villa Tanjung Permai	1.90	1.41	KPI Tidak Ditetapkan	0.77	TB	TB	Jualan 100% pada tahun 2011	
2.	Teratai Idaman	6.30	2.84	15.96	12.34	2.74	2.70	Jualan 100% pada tahun 2012	
3.	Dedaun Fasa 1	9.70	9.63	17.82	16.94	KPI Tidak Ditetapkan	2.32		
4.	Intan Delima	TB	TB	5.41	2.42	12.96	30.91		
5.	Halaman Kenanga	12.80	19.54	31.31	29.18	KPI Tidak Ditetapkan	5.98		
6.	Halaman Seroja	6.00	0.95	13.15	8.69	KPI Tidak Ditetapkan	3.90		
7.	D'Residence I	7.00	3.50	KPI Tidak Ditetapkan	3.80	TB	TB	Jualan 100% pada tahun 2011	
8.	D'Residence II	1.90	1.95	TB	TB	TB	TB	Jualan 100% pada tahun 2010	
9.	D'Residence III	TB	TB	KPI Tidak Ditetapkan	24.28	TB	TB	Jualan 100% pada tahun 2011	
10.	Pinggiran Damai	8.90	0.00	KPI Tidak Ditetapkan	8.67	KPI Tidak Ditetapkan	0.36	Jualan 100% pada tahun 2012	
11.	Lot 28	8.20	8.20	TB	TB	TB	TB	Jualan 100% pada tahun 2010	
12.	Quartermile	TB	TB	19.44	0.00	18.27	25.26		
13.	Ixora Height	0.40	0.37	TB	TB	TB	TB	Jualan 100% pada tahun 2010	
14.	11 Macallum	TB	TB	22.40	0.00	TB	TB	Projek Belum Dimulakan	
15.	Cassia Cempaka	TB	TB	8.90	0.00	8.46	0.00	Projek Belum Dimulakan	

Sumber: Rekod PDCP

a. Jualan Tidak Mencapai KPI Yang Ditetapkan

Adalah didapati sebanyak 11 projek tidak mencapai KPI. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, prestasi jualan telah mencapai 100%. Dua projek iaitu projek 11 Macallum dan Cassia Cempaka belum dimulakan kerana kebenaran merancang untuk pembinaan baru diperoleh dalam tahun 2013. Pembinaan dan pelancaran jualan akan dimulakan pada tahun 2013.

b. Tempoh Jualan Yang Panjang Selepas Pelancaran

Secara umumnya, PDCP menyasarkan untuk menjual semua unit kediaman dalam tempoh 24 bulan dan unit komersial dalam tempoh 36 bulan. Semakan Audit terhadap prestasi jualan terhadap unit yang telah habis dijual mendapati tempoh jualan adalah di antara 1 hingga 65 bulan seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Tempoh Masa Jualan Bagi Projek Yang Telah Habis Dijual

Bil.	Projek	Pelancaran Jualan	Tarikh Unit Habis Dijual	Tempoh Masa Diambil (Bulan)
1.	Intan Cempaka	Apr 2005	Jan 2008	34
2.	D'Residence I	Dis 2005	Apr 2011	65
3.	Villa Tanjung Permai	Jan 2006	Jan 2011	50
4.	Ixora Heights	Sep 2006	Jun 2010	46
5.	D'Residence II	Feb 2008	Feb 2010	16
6.	Lot 28	Jan 2010	Jan 2010	1
7.	Teratai Idaman	Mac 2010	Okt 2012	32
8.	Pinggiran Damai	Okt 2010	Jul 2012	22
9.	D'Residence III	Jul 2011	Ogos 2011	2

Sumber: Rekod PDCP

- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Jun 2013, tiada penetapan KPI dibuat pada ketika itu kerana PDCP menjangkakan unit-unit perumahan/komersil bagi projek-projek tersebut telah habis dijual semasa penyediaan KPI untuk tahun berikutnya. Namun begitu, jangkaan tersebut tersasar berikutan dari beberapa faktor yang di luar kawalan pihak pengurusan PDCP seperti berikut:**
- i. **Pembatalan pembelian dan proses mendapatkan kelulusan penjualan kuota bumiputera (30%) telah mengambil masa yang panjang.**
 - ii. **Lokasi projek dianggap jauh dan kemudahan infrastruktur yang kurang di persekitaran projek pada ketika itu.**
 - iii. **Kegagalan pembeli mendapatkan pinjaman terutama untuk projek yang bernilai tinggi dan kos sederhana rendah menyebabkan pembatalan perjanjian jual beli dan seterusnya unit-unit berkaitan perlu dijual semula.**

3.4.1.6. Bayaran Pampasan Kepada Pembeli Apartment Ixora Heights

Berdasarkan Perkara 25, Jadual H, *Housing Development (Control and Licensing) Act 1966*, pemaju (PDCP) hendaklah menyerahkan *vacant possession* terhadap unit yang dibeli kepada pembeli dalam tempoh 36 bulan selepas perjanjian jual beli ditandatangani. Jika pemaju gagal berbuat demikian, maka pemaju hendaklah membayar pampasan kepada pembeli dengan kiraan hari ke hari dengan kadar 10% setahun daripada harga belian bermula daripada tempoh tamat penyerahan *vacant possession* (36 bulan) sehingga tarikh pembeli telah memperoleh *vacant possession* daripada pemaju. Pampasan ini hendaklah dibayar serta merta oleh pemaju kepada pembeli setelah penyerahan *vacant possession* tersebut.

- a. Semakan Audit mendapati Sijil Layak Menduduki bagi projek ini lewat diluluskan. Kelewatan ini adalah disebabkan Pihak Berkuasa Tempatan tidak meluluskan pembinaan tambahan yang tidak dimohon kelulusan sebelum pembinaan. Pemaju telah mengarahkan kontraktor untuk membuat pembinaan tambahan ini. Akibat dari

kelewatan memperolehi Sijil Layak Menduduki, PDCP telah gagal menyerahkan *vacant possession* kepada pembeli dalam tempoh yang ditetapkan.

- b. Semakan mendapati PDCP telah membayar pampasan kepada 104 pembeli yang layak daripada 148 pembeli projek perumahan ini. Tempoh bayaran pampasan adalah di antara 24 hari hingga 77 hari yang berjumlah RM320,544.41.
- c. Kelewatan memperoleh Sijil Layak Menduduki bukan disebabkan oleh kelewatan menyiapkan bangunan oleh kontraktor, maka pihak PDCP tidak boleh mengenakan kos bayaran ganti rugi tertentu dan ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages – LAD*) kepada kontraktor. Sehubungan itu, bayaran pampasan kepada pembeli telah ditanggung sepenuhnya oleh PDCP. Kesan daripada bayaran pampasan ini telah menyebabkan keuntungan jualan PDCP bagi projek ini telah berkurang sebanyak RM320,544.41.
- d. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Jun 2013, permohonan untuk mendapatkan Sijil Penghunian kepada MPPP telah ditolak oleh Pemeriksa Bangunan pada 5 September 2011 kerana pembinaan tidak mengikut pelan bangunan yang diluluskan. Setelah kajian dibuat, didapati pihak konsultan telah terlepas pandang untuk membuat permohonan bagi perubahan ke atas tempat letak kereta dalam pelan bangunan. Pihak konsultan telah mengemukakan permohonan perubahan pelan bangunan pada 14 September 2011 dan kelulusan telah diperoleh pada 27 September 2011. Sijil penghunian hanya dikeluarkan oleh pihak MPPP pada 19 Oktober 2011. Memandangkan masalah ini timbul daripada kesilapan pihak konsultan, maka mereka telah pun bersetuju untuk menanggung sebahagian kos bayaran ganti rugi tertentu dan ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages – LAD*) berkaitan yang berjumlah RM148,798.61.**

3.4.1.7. Tuntutan Saman Oleh Pembeli Tanah Plot D'Residence III

Tanah plot D'Residence III terletak di dalam kawasan Bayan Mutiara yang merupakan kawasan tanah tebus guna yang sangat bernilai tinggi kerana berada di tepi laut. Disebabkan objektif PDCP adalah membina perumahan mampu milik, maka kawasan ini adalah tidak sesuai untuk dibuat pembinaan sedemikian. Oleh sebab itu, Ahli Lembaga Pengarah PDCP telah bersetuju untuk menjual tanah ini melalui kaedah tender. Tanah ini telah dipecahkan kepada 5 plot dengan keluasan di antara 661 hingga 876 meter persegi. Sebanyak 19 petender telah memasuki tender dengan 5 petender tertinggi telah dipilih. Tanah ini telah dijual dengan harga di antara RM508.06 hingga RM750.00 sekaki persegi. Nilai keseluruhan 5 plot ini adalah berjumlah RM24.28 juta. Perjanjian jual beli antara PDCP dan pembeli telah dimeterai pada Ogos 2011.

- a. Pada awal tahun 2012, sebuah syarikat swasta dengan kerjasama sebuah syarikat swasta lain telah merancang untuk menebus guna tanah laut yang berhadapan

dengan tanah plot D'Residence III untuk pembinaan kondominium. Jika pembinaan ini diteruskan, maka tanah plot D'Residence III ini tidak lagi akan berada di tepi laut.

- b. Sehubungan itu, 3 daripada 5 pembeli yang merasakan tanah mereka akan berkurang nilai telah membuat tuntutan saman di mahkamah terhadap PDCP pada 19 November 2012 dengan menuntut kerugian ke atas kekurangan nilai tanah atau mendapatkan semula harga belian tanah berkenaan dan kos-kos yang terlibat.
- c. Semakan Audit mendapati kes ini masih dalam perbicaraan di mahkamah. Kos guaman yang ditanggung oleh PDCP setakat ini adalah berjumlah RM21,478.00.
- d. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Jun 2013, 5 plot berkenaan telah dijual secara tender terbuka dan antara terma-terma penjualan dalam dokumen tender dan Perjanjian Jual Beli adalah seperti berikut:**
 - i. Plot tanah berkenaan dijual secara *as where is basis*;
 - ii. Pembeli wajib membuat penilaian dengan sendiri dan dianggap telah mempunyai maklumat yang penuh sebelum membuat tawaran;
 - iii. Sebarang salah nyata tidak akan dijadikan asas untuk pembatalan pembelian dan apa-apa tuntutan; dan
 - iv. PDCP tidak memberi sebarang jaminan ke atas *physical conditions of the properties or of their fitness for any specific use*.
- e. Tindakan mahkamah diambil oleh pembeli berdasarkan pandangan pelukis di mana cadangan tebus guna belum dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk kelulusan. Pihak pengurusan PDCP telah mengemukakan permohonan untuk membatalkan tuntutan pembeli berdasarkan terma-terma di atas di mana kepentingan pembeli belum disahkan telah terjejas.

Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti Syarikat adalah memuaskan dengan hampir kesemua atau 95% projek hartanah yang telah siap dapat dijual sepenuhnya. Bagaimanapun kelewatian mendapatkan Sijil Penghunian telah merugikan PDCP dari segi bayaran pampasan kepada pembeli.

3.4.1.8. Tadbir Urus Korporat

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia pada tahun 2000 dan telah disemak semula pada tahun 2007. Kod ini menekankan elemen penting seperti keanggotaan, kelayakan, peranan dan manfaat lembaga pengarah. Selain itu, Kod ini juga menggariskan keperluan Jawatankuasa Audit, penubuhan jawatankuasa yang berkaitan dengan penetapan manfaat lembaga pengarah, polisi dan prosedur terhadap akauntabiliti syarikat. Kod Tadbir Urus Korporat ini

merupakan panduan Amalan Terbaik kepada syarikat swasta yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat PDCP adalah seperti berikut:

3.4.1.9. Pelantikan Dan Peranan Lembaga Pengarah Syarikat

Bahagian 2 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) menetapkan keanggotaan Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada 33% (1/3) pengarah bukan eksekutif yang bebas, berwibawa, berkaliber dan berpengalaman untuk mengurus syarikat dengan cekap dan telus. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. Mesyuarat Lembaga PDC No. 4/97 bertarikh 18 Ogos 1997 telah menetapkan dasar pelantikan wakil pengarah PDC di Lembaga Syarikatnya adalah seperti berikut:-
 - i. Pelantikan wakil pengarah dihadkan kepada pegawai yang berkhidmat dan disahkan dalam jawatan atau pegawai daripada jabatan/agensi Kerajaan yang mempunyai hubungan dengan Lembaga PDC.
 - ii. Individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran serta tidak ada konflik kepentingan juga dipertimbangkan untuk mewakili Lembaga PDC di lembaga syarikat-syarikat PDC.
 - iii. Jawatan pengurus syarikat milik penuh dan anak syarikat PDC disandang oleh Pengurus Besar dan pegawai kanan PDC untuk memastikan kawalan pengurusan dan penyeliaan.
 - iv. Pegawai PDC yang dilantik tidak boleh menjadi ahli lembaga pengarah mana-mana syarikat atas nama persendirian.
- b. Semakan Audit mendapati pelantikan Lembaga Pengarah PDCP mengikut dasar pelantikan yang ditetapkan iaitu kesemua 5 ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada pegawai kanan PDC. Semua ahli Lembaga Pengarah Syarikat terdiri daripada mereka yang berkelayakan dan berpengalaman di bidang tertentu. Bagaimanapun, terma rujukan tugas Lembaga Pengarah tidak dinyatakan secara bertulis sebaliknya dasar pelantikan hanya menyatakan wakil pengarah syarikat PDC dikehendaki melaporkan kepada Pengurus Besar berkaitan semua isu dasar dan kewangan serta lain-lain perkara yang membawa kesan kepada kepentingan PDC.
- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Jun 2013, Lembaga PDC telah meluluskan garis panduan baru pelantikan wakil pengarah PDC dalam Mesyuaratnya yang ke 6/2010 pada 16 Disember 2010 melalui Kertas No. 3. Mulai daripada tarikh tersebut, garis panduan baru telah dipatuhi sepenuhnya oleh pihak Pengurusan PDC. Pelantikan Lembaga Pengarah PDCP juga mematuhi keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga PDC. Walaupun terma**

rujukan tugas Lembaga Pengarah tidak dinyatakan dengan jelas, setiap Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat PDC khasnya pegawai-pegawai PDC dari semasa ke semasa telah didedahkan melalui taklimat/kursus berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang ahli Lembaga Pengarah Syarikat.

3.4.1.10. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan/Audit Dalam

- a. Pekeliling Perbendaharaan 9 Tahun 1993 menggariskan keperluan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan di peringkat syarikat induk untuk meningkatkan kawalan terhadap syarikat Kerajaan bagi menjaga kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama. Objektif penubuhan Jawatankuasa tersebut adalah untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dan membantu Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati walaupun Pekeliling Perbendaharaan tersebut diterima pakai oleh PDC, sehingga kini Jawatankuasa tersebut masih belum ditubuhkan di peringkat syarikat induk PDC Premier Holdings Sdn. Bhd.. Pihak Audit dimaklumkan, Unit Audit Dalam PDC telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pengauditan pengurusan aktiviti PDCP dari semasa ke semasa.
- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Jun 2013, Unit Audit Dalam PDC bertanggungjawab untuk mengaudit PDC dan juga anak syarikat PDC. Unit tersebut mempunyai program audit yang telah diluluskan oleh Pengurus Besar setiap tahun. Jadual audit untuk anak syarikat juga telah pun disusun dan anak syarikat akan diaudit mengikut susunan/program yang telah diaturkan mengikut keutamaan dan kepentingan. Cadangan penubuhan Jawatankuasa Audit di peringkat syarikat induk (*holding company*) masih lagi dalam pertimbangan dan kajian.**

3.4.1.11. Rancangan Strategik Syarikat

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993, menetapkan setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan merangka strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang syarikat. Dokumen perancangan korporat yang komprehensif perlu disediakan oleh syarikat bagi mencapai objektif dan matlamat penubuhannya selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Ia juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber dengan lebih efektif dan hubungan yang baik serta hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan. Semakan Audit mendapati perancangan strategik yang disediakan oleh PDCP adalah seperti berikut:

a. Penunjuk Prestasi (KPI)

PDCP menyediakan KPI setiap tahun bagi mengukur pencapaian syarikatnya. KPI telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PDCP. KPI

yang telah diluluskan di peringkat lembaga pengarah perlu dimaklumkan kepada PDC Premier Holdings untuk tujuan pemantauan. Semakan Audit mendapati KPI yang ditetapkan bagi keuntungan sebelum cukai tidak berjaya dicapai bagi tahun 2010 hingga 2011. Bagi tahun 2012, Syarikat berjaya mencapai KPI yang ditetapkan apabila keuntungan sebelum cukai adalah RM8.9 juta berbanding KPI yang ditetapkan iaitu RM1.7 juta.

- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Jun 2013, KPI yang telah digubal oleh pihak pengurusan PDCP adalah dengan andaian bahawa tempoh mendapat kelulusan dan memproses dokumen oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk projek-projek PDCP adalah mengikut amalan biasa sebelum ini. Kelewatan kelulusan pelan bangunan adalah di luar kawalan pihak Pengurusan PDCP dan faktor ini telah menyebabkan PDCP tidak dapat mencapai KPI yang telah ditetapkan. Terdapat juga projek yang telah dirancang oleh pihak Pengurusan PDCP telah pun dibatalkan selaras dengan aspirasi baru Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah menetapkan bahawa PDC akan menerajui dan melaksanakan projek pembangunan perumahan mampu milik.**

3.4.1.12. Pembayaran Dividen

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen. Cadangan bayaran dividen hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan Ketua Menteri setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Syarikat Kerajaan juga dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan Negeri sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi daripada dijangka, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjelaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati, Syarikat ada membuat pembayaran dividen bagi tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun dividen bagi tahun 2011 tidak dibuat walaupun Syarikat memperoleh keuntungan selepas cukai. Butiran lanjut seperti **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10
Bayaran Dividen Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	2009 RM	2010 RM	2011 RM
Untung Sebelum Cukai	17,775,521	1,857,807	1,485,405
Jumlah Dividen	676,632	2,350,000	TM
Kadar Dividen	1.92	5.00	TM

Sumber : Rekod PDCP

Nota: TM= Tiada Maklumat

- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 10 Jun 2013, pihak Pengurusan PDCP telah memutuskan untuk tidak membayar dividen kepada PDC bagi tahun 2011 kerana jumlah keuntungan akan digunakan untuk tujuan seperti berikut:**

- i. **Membayar balik pinjaman dari PDC yang berjumlah RM17.5 juta.**

- ii. **Membayar kos pembelian tanah kepada PDC.**
- iii. **Mempunyai dana yang mencukupi untuk perbelanjaan pembangunan dan operasi.**

3.4.1.13. Pembayaran Bonus

- a. Resolusi Lembaga Pengarah PDCP ada menetapkan garis panduan pembayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus oleh syarikat Kerajaan. Antaranya ialah cadangan bayaran bonus perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk atau Badan Berkanun berkenaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri dalam tempoh sebulan selepas akaun tahunan ditutup. Selain itu, Syarikat perlu memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah.
- b. Semakan Audit mendapati cadangan bayaran bonus tahun 2009, 2010 dan 2011 ada dikemukakan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PDCP dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. sebelum akaun tahun kewangan berkenaan ditutup. **Jadual 3.11** menunjukkan bayaran bonus PDCP yang telah dibayar bagi tahun 2009 hingga 2011.

Jadual 3.11

Bayaran Bonus/Bantuan Khas Kewangan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Untung/Rugi Sebelum Cukai (RM)	Bonus/Bantuan Khas Kewangan (RM)
2009	17,775,521	89,107
2010	1,857,807	78,660
2011	1,996,260	145,921
Jumlah	21,629,588	313,688

Sumber: Penyata Kewangan PDCP

3.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Syarikat PDCP adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih wujud kelemahan dalam tadbir urus korporat dan prestasi aktiviti Syarikat. Pihak Audit mengesyorkan pihak pengurusan PDCP mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Memastikan *vacant posession* dapat diserahkan kepada pembeli mengikut tempoh bagi mengelakkan kerugian kepada syarikat melalui tuntutan saman.

3.5.2. Memperkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat Syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Agensi Negeri.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

26 September 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my